

THE MALAY SCHOOL SERIES

NO. 64

PUBLISHED FOR THE DEPARTMENT OF EDUCATION  
FEDERATION OF MALAYA

# CHĒRITA LAKUNAN

## III

PENYUNTING:

B. L. MILNE

DAN

H. R. CHEESEMAN

---

DI-MELAYUKAN OLEH

Pējabat Karang-Mēngarang

JABATAN PĒLAJARAN

KUALA LUMPUR

楊貴樓印務

Kelikat Yang Quee Ye

---

SINGAPORE

Malaya Publishing House, Limited.

1949

YANG QUEE YE

楊貴樓印務

## I S I - N Y A

BAB.	MUKA SURAT.
1. Buat Baik di-Balas Baik, Buat Jahat di-Balas Jahat .. ..	5
2. Pěnjual Ubat Yang Pintar .. ..	12
3. Bangsi 'Ajaib .. .. .	16
4. Sang Kanchil Yang Chěrdek .. ..	24
5. Mari Kita Sělamatkan Bulan .. ..	33
6. Pasar Sělabu .. .. .	39
7. Babu .. .. .	47
8. Měnjual Pěrkataan .. .. .	60
9. Baa-Baa-Baa .. .. .	68
10. Makanan Sang Pahlawan .. .. .	72
11. Guris Api 'Ajaib .. .. .	81
12. Jangan Běrkawan Děngan Budak Jahat .. .. .	97
13. Měngubat Si-Omar Sakit .. .. .	105
14. Ikan Pělaga .. .. .	114

BUAT BAIK DI-BALAS BAIK  
BUAT JAHAT DI-BALAS JAHAT

AHLI-AHLI PĚLAKUN:—

RAHMAT—*Sa-orang kaya*

MAHMUD—*Sa-orang miskin*

DOLMAT—*Kĕtua Kampong, Kampong Lu-  
bok*

MASA-NYA: Zaman sĕkarang.

TĚMPAT-NYA: Di-sabuah lorong da-  
lam kampong.

*Kĕluar MAHMUD dĕngan RAHMAT.*

MAHMUD. As-salamu'alaikum, ěnche', apa khabar? ěnche' memang-lah orang sĕnang.

RAHMAT. Wa 'Alaikum salam—jangan-lah kata bagitu, apa-lah sĕnang-nya sapĕrti aku ini. Badan-ku sĕlalu sahaja sakit dan hati-ku pun susah.

MAHMUD. Ya, saya pun ada mĕndĕngar juga ěnche' sakit.

RAHMAT. Tĕtapi aku tengok badan ĕngkau

gëmok dan rupa ěngkau sĕnang sahaja. Sunggoh pun aku kaya dan aku makan barang yang baik-baik tĕtapi badan aku tidak sehat dan hati aku susah.

MAHMUD. Itu ta' tahu-lah saya ěnche'. Saya makan barang yang murah-murah sahaja tĕtapi saya gĕmar mĕmakan-nya.

RAHMAT. Dua bulan dahulu ěngkau sakit kuat bukan? Tĕtapi sĕkarang ěngkau sehat dan badan ěngkau pun gĕmok. Ubat apa ěngkau makan?

MAHMUD. Ya, saya sakit nyaris-nyaris lagi saya mati. Sa-minggu saya tidak makan apa-apa tĕtapi pada suatu hari saya tĕrhidu bau lauk dari dapor ěnche' di-bawa angin tĕrlalu sĕdap, itu-lah yang mĕmbuka sĕlera saya. Saya suruhkan istĕri saya sĕndokkan nasi kĕtika itu juga, tĕrlalu sĕdap saya makan. Kĕmudian sĕgĕra-lah badan saya sehat sa-mula.

RAHMAT. Oh begitu. Tĕtapi ěngkau tiada tĕrfikir hĕndak mĕmbĕri tĕrima kaseh kapada aku.

MAHMUD. Ta' ada-lah saya tĕrfikir dĕmikian ěnche'.

RAHMAT. Jadi, aku bĕli barang mahal-mahal ěngkau churi bau-nya?

MAHMUD. Saya tērchium sahaja bau-nya ěnche'. Sĕbab bau-nya itu datang kapada saya. Bagaimana ěnche' kata saya mĕnchuri makan-an ěnche'?

RAHMAT. Ĕngkau sudah mĕngambil pati dari-pada makanan aku masa ěngkau mĕnchium bau-nya. Sĕbab itu-lah aku tĕlah mĕnjadi kurus dan ěngkau gĕmok.

MAHMUD. Bagaimana ěnche'.....

RAHMAT. Diam! Ĕngkau tĕlah mĕnchium makanan aku. Ĕngkau mĕsti bayar kapada aku dua puloh ringgit.

MAHMUD. Saya orang miskin ěnche'. Saya tiada upaya hĕndak mĕmbayar dua puloh ringgit.

RAHMAT. Aku tiada pĕduli. Ĕngkau mĕsti bayar. Jika ěngkau tiada bayar nanti aku bawa ěngkau kapada Kĕtua Kampong.

*Kĕluar DOLMAT, Kĕtua Kampong.*

KĔDUA-DUA RAHMAT DAN MAHMUD. As-salamu-  
'alaikum datok.

DOLMAT. Saya dĕngar awak mĕnyĕbut nama saya tadi, apa hal? Ada apa-apa hajat?

RAHMAT. Che' Mahmud děngan saya běrjiran, datok pun tahu.

DOLMAT. Ya, memang saya tahu—měngapa pula?

RAHMAT. Che' Mahmud ini baharu tadi ia měmběri tahu sěbab-nya ia tělah měnjadi gěmok.

DOLMAT. Macham mana bunyi chěrita-nya?

MAHMUD. Saya kata kapada Che' Rahmat ini, sělera saya baik, sunggoh pun saya makan tiada běrlauch.

DOLMAT. Itu tidak pělek. Siapa-siapa sědap sělera-nya badan-nya memang-lah gěmok dan sehat.

RAHMAT. Ada juga dia běrkata kapada saya sělera-nya měnjadi sědap itu sěbab dia dapat bau makanan dari dapor saya. Jadi dia tělah měngambil sěgala pati-pati daripada makanan saya. Fasal itu-lah dia sudah gěmok. Tinggal yang saya makan itu hampas-nya sahaja.

DOLMAT. Bětul-kah kata-nya itu, Mahmud?

MAHMUD. Bagini datok.....

DOLMAT. Jawab so'al aku ini. Ada-kah atau tidak ěngkau běrkata kapada Rahmat bagitu?

MAHMUD. Ada, datok, tětapi tidak-lah saya sangkakan dia boleh.....

DOLMAT. Engkau sudah bėrkata tadi bětul-lah.

RAHMAT. Mahmud mēsti bayar kapada saya dua puluh ringgit. Mahmud sudah mēngambil pati-pati makanan saya dēngan mēnghidu. Sėbab itu-lah awak gēmok dan suka ria dan saya kurus sėrta mērana.

DOLMAT. Engkau mēsti bayar.

MAHMUD. Macham mana saya hēndak bayar, saya miskin. Di-mana hēndak saya ambilkan dua puluh ringgit?

DOLMAT. Jangan susah hati. Ini dia dua puluh ringgit (*di-bėri-nya kapada MAHMUD wang dua puluh ringgit*).

MAHMUD. Tėrima kaseh banyak-banyak datok. Che' Rahmat, ini dia duit yang awak minta itu.

DOLMAT. Sabar-lah dahulu. Bėlum sėlėsai lagi hal ini.

KĒDUA-DUA RAHMAT DAN MAHMUD. Apa pula lagi?

DOLMAT. Buat-lah apa yang saya suroh ini. Mahmud engkau kira duit ini atas batu. Eng-

kau tinging kuat-kuat supaya Rahmat dēngar bunyi-nya tiap-tiap satu bunyi dēnting-nya. Rahmat sambil Mahmud tinging itu awak kira-lah.

*MAHMUD mēnchari sa-buah batu lalu mēniting wang itu di-atas-nya. RAHMAT mēngira bunyi dēnting wang itu.*

RAHMAT. Satu, dua, tiga, ěmpat, lima, ěnam, tujuh, dēlapan, sēmbilan, sa-puloh, sa-bēlas, dua-bēlas, tiga-bēlas, ěmpat-bēlas, lima-bēlas, ěnam-bēlas, tujuh-bēlas, dēlapan-bēlas, sēmbilan-bēlas, dua-puloh.

DOLMAT. Bētul ada dua-puloh ringgit Rahmat?

RAHMAT. Bētul datok.

DOLMAT. Bagus. Bēri saya balek wang saya itu.

*MAHMUD mēmbērikan wang itu.*

RAHMAT. Wang itu sudah jadi wang saya.

DOLMAT. Tidak. Wang ini wang saya, awak sudah mēnērima wang awak.

RAHMAT. Ta' ada. Ta' ada saya tērima. Hanya saya dēngar bunyi dēnting wang itu sahaja.



DOLMAT. Mahmud mēngambil makanan awak ia mēnghidu bau-nya sahaja. Dia sudah mēm-bayar wang sa-banyak yang awak minta dēngan bunyi dēnting wang itu.

RAHMAT. Itu tidak patut datok. Itu tidak patut. (*la pun masok tērlalu marah-nya*)

MAHMUD. Saya mēmbēri datok banyak-banyak tērima kaseh.

DOLMAT. Aku memang suka mēnolong ēngkau. Tētapi aku hēndak nasihatkan ēngkau sadikit, Mahmud. Èngkau suka bēnar bērchēloteh. Yang ka-hadapan jangan bērchēloteh banyak-banyak.

MAHMUD. Baik-lah datok. Saya tidak lupa akan nasihat datok itu sampai bila-bila pun.

TAMMAT

## PENJUAL UBAT YANG PINTAR

AHLI-AHLI PELAKUN:—

SA-ORANG DUKUN

SALLEH

GHAZALI—*měmakai chěrmin mata*

YUSUF

MAHMUD

ORANG-ORANG LAIN YANG MĒMĒRHATI

MASA-NYA: Pada suatu pětang.

TĒMPAT-NYA: Di-těpi sa-buah jalan  
raya.

SA-ORANG PĒNJUAL UBAT *dudók mĕnjual ubat-ubat-nya hampir dĕngan sa-buah sĕkolah, bĕrmacham-macham ubat yang di-jual-nya, minyak-minyak urat, minyak angin dan lain-lain di-isi-nya dalam botol-botol kĕchil. Ada pula ia mĕmbawa suatu bungkusan kĕchil. Orang-orang, ramai di-kĕliling-nya.*

PĒNJUAL UBAT. Ēnche'-ĕnche' dan tuan-tuan sakalian, ini ubat 'ajaib. Boleh mĕnyĕmbohkan barang apa-apa pĕnyakit. Ada siapa-siapa di-sini mahu mĕmbĕli ubat sakit tidak mahu tidor? (*ia mĕnunjokkan sa-buah botol*).

SALLEH. Pa' Ngah saya tidak mahu tidor waktu malam. Bětul-kah ubat itu baik?

PĒNJUAL UBAT. Boleh awak choba, harga-nya hanya dua puloh sen sahaja sa-botol. Běri dia minum sadikit sa-bělum tidor.

SALLEH. Běri saya sa-botol, ini duit-nya. (*Ia mēnghulorkan wang kapada PĒNJUAL UBAT itu dan mēněrima daripada-nya ubat*)

GHAZALI. Ada jual ubat sakit mata?

PĒNJUAL UBAT. Ada. Minyak ini jika digosokkan kapada pělupok mata tiga kali sahari sa-lama dua minggu mata boleh jadi těrang tidak payah pakai chěrmin mata lagi. Ubat ini di-buat daripada mata monyet. Payah hěndak mēnchari mata monyet itu. Sěbab itu minyak mata ini lěbeh mahal daripada ubat sakit tidak mahu tidor. Bayar-lah lima puloh sen sahaja, awak sěmua pun budak-budak sěkolah lagi.

GHAZALI. Ini sa-ringgit, běri saya balek baki-nya.

*PĒNJUAL UBAT itu mēmběri sa-botol minyak sěrla děngan baki wang.*

YUSUF. Saya ada sa-ekor anjing tua buta. Boleh-kah baik mata anjing itu jika di-sapukan minyak ini?

PĒNJUAL UBAT. Těntu baik. Kalau tidak baik lěpas pakai ubat ini dalam dua minggu bawa balek ubat kapada saya, saya pulangkan balek wang awak. Kědai saya Nombor 7842, Lorong Sětanggi, Singapura.

YUSUF. Baik-lah bėri saya satu botol.

*YUSUF mēnėrima minyak itu lalu mēm-  
bayarkan harga-nya.*

PĒNJUAL UBAT. Sa-kějap lagi saya hěndak bėrangkat dari sini, tětapi sa-bělum saya bėrangkat saya hěndak tunjokkan suatu pėrkara yang mashhor bėrkėnaan děngan tawarikh. Kalau tiap-tiap orang bayar saya sa-orang sa-puloh sen bolėh saya tunjokkan bėnda dalam bungkusan ini. Bėnda itu ia-lah těngkorak mēndiang Sir Stamford Raffles. Mahal saya bėli sėbab saya hěndak tunjokkan kapada tuan-tuan sėmua. (PĒNJUAL UBAT itu bėrjalan bėrkėling mēmungut wang daripada orang-orang itu) Ini dia těngkorak orang tėlaha mēm buka Pulau Singapura.

*(Sėmua-nya hairan mėlihat-nya)*

MAHMUD. Saya tidak pėrchaya itu těngkorak Raffles sėbab mēm gikut tawarikh kėpala Raffles lėbeh bėsar daripada itu. Těntu itu bukan těngkorak Raffles. Itu palsu.

*Budak-budak itu měmandang sama sěndirinya.*

PĔNJUAL UBAT. Itu apa pula pėlek-nya. Ini těngkorak Raffles masa ia kěchil lagi.

ORANG-ORANG YANG DI-KĔLILING. Tangkap dia! Kita minta duit kita balek.

PĔNJUAL UBAT *itu pun sěrla měrla lari masok ka-suatu lorong, sa-kětika liada kělihatan lagi.*

TAMMAT

## BANGSI 'AJAIB

AHLI-AHLI PĚLAKUN:—

OSMAN—(*saudara yang tua*)

HASHIM—(*saudara yang muda*)

SA-ORANG SAHABAT

ĔMPAT ORANG PĚRI

MASA-NYA: Zaman dahulu.

TĔMPAT-NYA: Di-Tanah Mĕlayu.

LAKUNAN I. Gua Batu.

*Kĕluar* HASHIM.

HASHIM. Amboi pĕnat-nya badan-ku; pĕrut-ku pun lapar. Kalau dapat-lah aku nasi kĕtika ini alang-kah baik-nya. (*Mĕmandang ka-lan-git*). Hari pun hampir malam, tidak dapat aku hĕndak ka-mana-mana lagi. Kalau abang-ku mĕnolong aku tiada-lah aku sampai bagini susah-nya. (*Ia mĕnjĕngok ka-dalam gua batu itu*). Siapa agak-nya dudok di-dalam gua ini? (*Ia nampak ĕmpat orang pĕri, lalu ia pun bĕr-sĕmbunyi pada suatu chĕrok. Ia boleh nampak pĕri-pĕri itu, tĕtapi ia tiada kĕlihatan oleh mĕreka itu*).

PĒRI YANG PĒRTAMA. Ada-kah apa-apa lagi yang sahabat saya mahu? Jika ada, sĕmua-nya itu boleh saya mintakan kepada bangsi 'ajaib itu.

PĒRI YANG KĒDUA. Saya hĕndak minum.

PĒRI YANG KĒTIGA. Saya mahu kueh dan buah-buahan.

PĒRI YANG KĒĒMPAT. Ya, bĕtul.

PĒRI YANG PĒRTAMA. Sa-kĕtika lagi sahabat sĕmua boleh-lah dapat bĕnda-bĕnda itu. Hai bangsi 'ajaib, bawakan kami sĕrbat yang manis, kueh-kueh dan buah-buahan yang sĕdap-sĕdap. (*Ia mĕniup bangsi itu*). Ini pun dia bĕnda-bĕnda yang kita minta.

PĒRI YANG KĒDUA. Manis-nya rasa sĕrbat ini!

PĒRI YANG KĒTIGA. Sĕdap-nya kueh-kueh ini!

PĒRI YANG KĒĒMPAT. Chantek-nya buah-buahan ini, sadikit pun tidak busok!

PĒRI YANG PĒRTAMA. Sila-lah makan minum sa-bĕrapa yang sahabat-ku suka, jangan sĕgan-sĕgan, kueh-kueh dan sĕrbat banyak.

(*Sĕmua-nya bĕrsuka-suka makan minum*).

PĚRI YANG KĚDUA. Saya sudah kěnyang.

PĚRI YANG KĚTIGA. Saya mĕngantok.

PĚRI YANG KĚĒMPAT. Mari-lah kita tidor.

PĚRI YANG PĚRTAMA. Baik-lah.

*(Sĕmua-nya pun tidor. HASHIM mĕnchuri-  
bangsi 'ajaib itu lalu lari).*

---

LAKUNAN II. Dua hari lĕpas itu  
di-Kampong Nyior.

SA-ORANG SAHABAT. (*Bĕrlĕmu dĕngan OSMAN*).  
As-salamŭ'alaikum Che' Osman, apa khabar?  
Saudara ĕnche' nampak-nya sudah jadi orang  
kaya baharu!

OSMAN. (*Tĕrchĕngang-chĕngang*). Saudara  
saya sudah kaya! Saya tidak pĕrchaya.  
Baharu dua hari kĕlmarin dia undor dari rumah  
saya, dia tiada bĕrduit barang satu sen pun.  
Ini awak kata ia sudah kaya. Di-mana di-  
dapat-nya duit banyak-banyak itu?

SA-ORANG SAHABAT. Itu tidak pula saya tahu.  
Orang lain pun ta' tahu juga di-mana di-ambil-  
nya duit banyak-banyak itu. Yang saya tahu



rumah-nya bësar, tĕman-nya ramai. Ĕnche' saudara dia tĕntu-lah dia mahu mĕnchĕritakan kapada ĕnche'.

OSMAN. Saya rasa usahkan ia hĕndak mĕnchĕritakan kapada saya, rumah-nya pun barangkali tidak di-bĕri-nya saya masok. Masa dia susah kĕlmarin saya tidak mahu mĕnolong dia. Tĕtapi biar saya tĕbalkan muka saya, saya hĕndak pĕrgi bĕrjumpa dia.

SA-ORANG SAHABAT. Saya hĕndak balek ĕnche'. Sĕlamat tinggal.

OSMAN. Sĕlamat jalan.

*Masok SA-ORANG SAHABAT itu, kĕmudian kĕluar HASHIM bĕrpakaian sĕrba baharu bĕlaka.*

HASHIM. Abang, apa khabar abang?

OSMAN. Nampak-nya ĕngkau sudah kaya! Di-mana ĕngkau dapat wang banyak-banyak itu? Ĕngkau bĕrjumpa ĕmas intan? Chĕritakan-lah kapada aku.

HASHIM. Bukan-nya saya bĕrjumpa wang atau ĕmas intan. Bagini chĕrita-nya, ta' mĕngapalah saya chĕritakan kapada abang, tĕtapi jangan-lah abang chĕritakan kapada orang lain pula.

OSMAN. Jangan ěngkau takut, aku tidak chěritakan kapada orang lain.

HASHIM. Masa saya hěndak pěrgi ka-pěkan pada suatu hari saya singgah di-sabuah gua batu lalu saya churi bangsi 'ajaib sa-orang pěri di-situ. Kalau saya hěndakkan apa-apa, saya chintakan barang itu kěmudian saya tiup bangsi itu dapat-lah saya barang itu. Jika abang hěndak apa-apa kata-lah biar saya chintakan.

OSMAN. Gua batu mana? Jauh-kah dari sini?

HASHIM. Itu yang nampak kěmunchak-nya dari sini. Saya nasihatkan jangan abang pěrgi ka-situ. ěntahkan pěri itu marah di-pukul-nya abang kělak.

OSMAN. Aku ta' hěndak pěrgi ka-situ. Aku hěndak tahu sahaja.

HASHIM. Mari-lah abang singgah ka-rumah saya. Apa yang ada kita makan-lah běrsama-sama.

*Kědua-dua-nya masok běrkěpit-kěpit tangan.*

LAKUNAN III. Gua Batu. Pada pětang itu juga.

OSMAN. (*Kěluar*) Ini dia těmpat-nya adek saya měndapat bangsi itu. Saya harap akan měndapat apa-apa barang yang běrguna. Ada orang datang nampak-nya itu.

*Ia běrsěmbunyi. Běběrapa orang PĚRI kěluar.*

PĚRI YANG PĚRTAMA. Orang sudah měnchuri bangsi 'ajaib kita. Apa ikhtiar kita sěkarang? Kita městi tangkap pěnchuri itu dan ambil balek bangsi kita.

PĚRI YANG KĚDUA. Agak-nya masa kita makan itu ia ada běrsěmbunyi di-dalam gua ini. Ia tělah měnchuri bangsi kita masa kita těngah lěnyak tidor.

PĚRI YANG KĚTIGA. Jika saya dapat tangkap orang itu, saya sumpah dia tujuh tahun běrnasib malang.

PĚRI YANG KĚĚMPAT. Saya hěndak tarekkan hidong-nya.

PĚRI YANG PĚRTAMA. Mari kita chari dia sěkarang.

*Pěri-pěri itu mēnchari-chari dalam gua itu lalu běrjumpa dēngan OSMAN.*

KĚSĚMUA PĚRI-PĚRI. Itu pun dia! Mari kita bunoh dia!

PĚRI YANG PĚRTAMA. Nanti, jangan kita bunoh dahulu. Kita mēsti minta balek bangsi 'ajaib kita itu. (*Kapada OSMAN*) Ĕngkau pēnchuri, mana dia bangsi kami?

OSMAN. (*kětakutan*) Ti, ti, tidak. Bukan saya mēnchuri-nya.

PĚRI YANG PĚRTAMA. Siapa yang mēnchuri-nya?

PĚRI YANG KĚĔMPAT. Chakap, jika tidak kami bunoh Ĕngkau. (*Ia mēnarek hidong OSMAN*).

OSMAN. Adoh sakit-nya. Nanti saya katakan. Adek saya yang mēnchuri-nya. Tuan sudah rosakkan hidong saya, tolong-lah baikkkan.

PĚRI YANG KĚĔMPAT. Sa-lagi Ĕngkau tidak pulangkan bangsi itu biar-lah hidong Ĕngkau bagitu.

OSMAN. Baik-lah nanti saya pulangkan. Lēpaskan-lah saya.

PĚRI YANG KĚĔMPAT. Pěrgi-lah, tětapi Ĕngkau mēsti balek ka-mari dēngan bangsi itu.

LAKUNAN IV. Pagi esok-nya di-Kampong  
Atap.

HASHIM. (*běrjumpa dĕngan OSMAN*) Sudah abang pulangkan bangsi itu kapada pĕri itu?

OSMAN. Sudah, tĕtapi tiada mahu pĕri-pĕri itu mĕngubatkan hidong saya, kata-nya adek boleh mĕngubatkan-nya.

HASHIM. Bagaimana hĕndak saya ubatkan?

OSMAN. Jika adek tĕpok bĕlakang saya, hidong saya mĕnjadi baik.

HASHIM. Baik-lah mari saya tĕpokkan.

HASHIM *mĕnĕpok bĕlakang* OSMAN.

OSMAN. Sudah pendek sadikit rasa-nya. Tĕpok lagi. (*HASHIM mĕnĕpok lagi*). Nanti dahulu, biar saya bĕrchĕrmin. Sudah sapĕrti sĕdiakala. Tĕrima kaseh banyak-banyak adek. Ini sĕmua tĕrbit daripada tama' saya. Yang ka-hadapan, tiada lagi saya mahu mĕmbuat bengkok kapada adek dan bĕrkata bohong.

HASHIM. Mari-lah kita sĕntiasa bĕrbaik-baik, biar kita sĕlalu dalam aman dan sĕntosa. Orang yang tama' itu memang tidak sĕnang hidup-nya.

TAMMAT

## SANG KANCHIL YANG CHERDEK

AHLI-AHLI PĒLAKUN:—

SANG KANCHIL YANG PĒRTAMA

SANG KANCHIL YANG KĒDUA

TO' GAJAH

MASA-NYA: Zaman dahulu.

TĒMPAT-NYA: Di-dalam hutan.

*Kĕluar* SANG KANCHIL YANG PĒRTAMA.

SANG KANCHIL YANG PĒRTAMA. Bĕnchi aku mĕlihat abang-ku itu sombong dan bongak. Dia sĕlalu sahaja bĕrjalan ka-sana ka-mari bĕr-mĕgah-mĕgah. Kata-nya dia-lah sahaja yang pandai. Itu pun dia datang. Aku ada suatu 'akal; hĕndak aku pĕrolokkan dia. (*Lalu ia bĕrlari kira-kira lima puloh ela mĕndapatkan sa-buah lobang yang lebar sĕrta dalam. Lobang itu hampir dĕngan sa-batang kayu yang tĕlah tumbang. Oleh Sang Kanchil di-ambil-nya ranting-ranting dan daun-daun kayu lalu di-tutup-nya mulut lobang itu jadi tiada-lah kĕlihatan lobang itu lagi*). Lobang ini tidak kĕlihatan, tĕtapi ranting-ranting dan daun ini

tidak kuat. Apabila dia těrpijak daun-nya, těntu-lah dia těrbolos jatuh ka-dalam lobang itu. (*Dia běrleri balek ka-těmpat ia mula-mula tadi*). Ini pun dia tiba.

SANG KANCHIL YANG PĔRTAMA. Apa khabar, abang?

SANG KANCHIL YANG KĔDUA. Khabar baik. Adek pula apa khabar?

SANG KANCHIL YANG PĔRTAMA. Saya pun khabar baik juga. Barang makanan saya banyak, hati saya pun suka. Abang bagaimana?

SANG KANCHIL YANG KĔDUA. Mudah-mudahan sěnanang juga. Barang-barang makanan pun chukup.

SANG KANCHIL YANG PĔRTAMA. Nampak-nya abang makin běrtambah gěmok.

SANG KANCHIL YANG KĔDUA. Tidak, mana aku boleh jadi gěmok, sěbab aku tidak dudok diam, sělalu aku běrleri ka-sana dan ka-mari.

SANG KANCHIL YANG PĔRTAMA. Bětul abang sudah gěmok. Kalau běrumba lari pun těntu saya boleh kalahkan abang, sěbab abang sudah gěmok tidak těrdaya hěndak běrleri.

SANG KANCHIL YANG KĚDUA. Jangan-lah cha-  
kap bagitu. Mana pula aku gēmok. Ĕngkau  
pun bělum pěrnah lagi dapat mēngalahkan aku  
běrlari.

SANG KANCHIL YANG PĚRTAMA. Mari kita běr-  
lumba dari sini sampai ka-pokok tumbang itu.

SANG KANCHIL YANG KĚDUA. Mari. Bila-bila  
sahaja aku mēnanti. Apa 'alamat-nya kita  
mula?

SANG KANCHIL YANG PĚRTAMA. "Satu, dua, tiga,"  
bila saya kata "tiga" kita běrlepas.

SANG KANCHIL YANG KĚDUA. Baik-lah.

SANG KANCHIL YANG PĚRTAMA. Satu . . . dua . . .  
tiga.

*(Kědua-dua-nya pun mulaĩ běr-  
lumba. SANG KANCHIL YANG KĚDUA sěgěra-lah lěpas  
ka-hadapan lalu jatuh ka-dalam lobang  
itu).*

SANG KANCHIL YANG PĚRTAMA. *(Měmandang  
ka-dalam lobang itu)* Pandai bětul abang,  
ėngkau masok ka-dalam lobang itu agak-nya  
sěbab di-situ sějok.

SANG KANCHIL YANG KĚDUA. Tolong-lah aku  
hěndak kěluar dari dalam lobang ini.



SANG KANCHIL YANG PĚRTAMA. Biar-lah ěngkau dudok di-dalam lobang itu. Sakalian makhlok di-dalam hutan ini sĕmua-nya bĕnchi dan mĕluat mĕlihatkan gĕrak gĕri ěngkau yang sombong bongak itu, kalau ěngkau bĕnar bijak tunjokkan-lah pandai ěngkau dan kĕluar-lah sĕndiri.

SANG KANCHIL YANG KĔDUA. Bila aku kĕluar dari sini jaga-lah ěngkau baik-baik.

SANG KANCHIL YANG PĚRTAMA. ěngkau kĕluar-lah dari lobang itu dahulu. Yang lain-lain itu kita kira bĕlakang. Pĕtang sĕkarang aku datang lagi mĕlawat ěngkau. Dudok-lah ěngkau di-dalam lobang itu mĕngambil angin.

SANG KANCHIL YANG KĔDUA. Chĕlaka di-atas batu kĕpala ěngkau.

SANG KANCHIL YANG PĚRTAMA. Sĕlamat tinggal Che' Abang, sĕlamat tinggal.

---

LAKUNAN II. Dua jam kĕmudian.

SANG KANCHIL YANG KĔDUA. *Di-dalam lobang itu.*

*Kĕluar To' GAJAH*

SANG KANCHIL YANG KĔDUA. Itu bunyi suara

To' Gajah. Barangkali mau dia mēnolong aku kēluar dari dalam lobang ini.

*(GAJAH itu lalu hampir dēngan lobang itu)*

SANG KANCHIL YANG KĒDUA. Oi, sahabat saya hēndak ka-mana itu?

To' GAJAH. Saya hēndak pindah ka-tēmpat baharu. Di-sana banyak tēbu.

SANG KANCHIL YANG KĒDUA. Bětul-lah ěngkau bodoh.

To' GAJAH. Měngapa ěngkau kata aku bodoh?

SANG KANCHIL YANG KĒDUA. Kalau To' Gajah tidak mau masok ka-dalam lobang ini bětul-lah To' Gajah bodoh.

To' GAJAH. Měngapa pulak saya hēndak těrjun ka-dalam lobang?

SANG KANCHIL YANG KĒDUA. To' Gajah bēlum dēngar khabar lagi?

To' GAJAH. Khabar apa?

SANG KANCHIL YANG KĒDUA. Langit hēndak runtuh.

To' GAJAH. Langit hēndak runtuh!

SANG KANCHIL YANG KĒDUA. Kalau To' Gajah hĕndak sĕlamat tidak kĕna timpa, tĕrjun-lah ka-dalam lobang ini. Pandang-lah ka-atas. Awan itu pun mĕlayang lari sĕbab ia takut kĕna tindeh.

TO' GAJAH. Bĕtul kata ĕngkau itu. Awan itu mĕlayang hĕndak lari. Ka-tĕpi sadikit, aku hĕndak tĕrjun takut tĕrtindeh pula ĕngkau oleh-ku.

*(GAJAH itu pun tĕrjun masok ka-dalam lobang itu. SANG KANCHIL itu mĕlompat naik ka-atas bĕlakang gajah itu lalu mĕlompat ka-atas darat).*

SANG KANCHIL YANG KĒDUA. Sĕlamat tinggal hai sahabat-ku. ĕngkau sudah-lah sĕlamat sĕkarang.

TO' GAJAH. ĕngkau hĕndak ka-mana pula? Tiada-kah ĕngkau takut langit hĕndak runtuh itu?

SANG KANCHIL YANG KĒDUA. Bukan-nya langit hĕndak runtuh, sĕngaja aku bohongkan ĕngkau biar ĕngkau masok ka-dalam lobang ini supaya boleh aku mĕlompat ka-atas bĕlakang ĕngkau dan kĕluar dari dalam lobang itu.

TO' GAJAH. Bĕtul-lah bĕdĕbah ĕngkau.

SANG KANCHIL YANG KĚDUA. Jangan-lah marah. Aku bėrhutang budi kapada ěngkau. Sa-bagai mėmbalas budi ěngkau itu sa-bėntar lagi aku hėndak hadiahkan kapada ěngkau sa-ekor kanchil.

TO' GAJAH. Jika aku dapat kanchil aku tidak bėri dia hidup lagi.

---

LAKUNAN III. Pětang itu juga.

SANG KANCHIL YANG KĚDUA *bėrsėmbunyi di-balek pokok tumbang itu.* SANG GAJAH *bėrtėriak tėrlalu kuat.* SANG KANCHIL YANG PĚRTAMA *pun kėluar.*

SANG KANCHIL YANG PĚRTAMA. Baik aku pėrgi mėlihat saudara-ku apa khabar-nya di-dalam lobang itu. Oh gajah pun ada juga bėrsama-sama di-dalam lobang itu, agak-nya mati-lah saudara-ku itu di-lanyak oleh gajah itu.

(SANG KANCHIL YANG PĚRTAMA *pun bėrjalan pėrlahan-lahan hampir kapada lobang itu.* SANG KANCHIL YANG KĚDUA *kėluar pėrlahan-lahan dari tėmpat ia bėrsėmbunyi itu lalu mėnolak akan SANG KANCHIL YANG PĚRTAMA ka-dalam lobang itu).*

TO' GAJAH. Oh ini pun dia, ka-mana ěngkau hěndak lari sěkarang?

(GAJAH itu *mělětakkan kaki-nya ka-atas SANG KANCHIL itu*).

SANG KANCHIL YANG PĔRTAMA, Lěpaskan-lah saya To' Gajah, saya tiada běr dosa kapada To' Gajah.

SANG KANCHIL YANG KĔDUA. Jangan lěpaskan dia. Dia yang měngakalkan To' Gajah masok ka-dalam lobang itu.

SANG KANCHIL YANG PĔRTAMA. ěngkau pēm-bohong. Aku tidak tahu pun To' Gajah ada dalam lobang ini.

SANG KANCHIL YANG KĔDUA. Memang-lah bětul ěngkau tidak tau, tětapi ěngkau těläh měnipu aku sampai aku jatoh ka-dalam lobang ini. Sěbab itu-lah aku těr paksa měnipu To' Gajah pula supaya aku lěpas kěluar.

SANG KANCHIL YANG PĔRTAMA. Tolong-lah lěpaskan saya.

TO' GAJAH. Tidak boleh. Aku hěndak lanyakkan ěngkau sampai mati. Fasal ěngkau-lah maka aku masok ka-dalam lobang ini.

SANG KANCHIL YANG KĒDUA. Ĕngkau těr lalu pandai adek, sėbab itu Ĕngkau masok lobang, Ĕngkau těr lalu pandai.

To' GAJAH. Oh Ĕngkau saudara dia ya, mujorlah aku dapat mėnangkap sa-orang daripada kėluarga Ĕngkau. Tidak aku hidupkan dia.

SANG KANCHIL YANG KĒDUA. Těr ima kaseh banyak-banyak To' Gajah, těr ima kaseh. Sėlamat tinggal adek, sėlamat tinggal!

TAMMAT

## MARI KITA SELAMATKAN BULAN

AHLI-AHLI PELAKUN:—

AWANG

SULONG

BADOR

BĒBĒRAPA ORANG KANAK-KANAK LAIN

MASA-NYA: BĒbĒrapa tahun dahulu.

TĒMPAT-NYA: Di-Kampong Jĕram Pasir.

### LAKUNAN I.

*Kĕluar AWANG dĕngan SULONG.*

AWANG. Ini masa-nya yang baik boleh kita tunjokkan, kita kanak-kanak pun bĕrguna juga.

SULONG. Mĕngapa, apa yang ĕngkau hĕndak buat?

AWANG. Tidak-lah ĕngkau tahu apa yang akan jadi malam sĕkarang? Boleh-lah ĕngkau tunjokkan ĕngkau orang gagah bĕrani. Malam sĕkarang saya akan jadi kĕtua bĒbĒrapa orang kanak-kanak. Kami hĕndak bĕrpĕrang. Mahu-kah ĕngkau masok bĕrlawan bĕrsama-sama?

SULONG. Saya tidak tahu hulu hilir-nya lagi, bėri-lah saya tahu dahulu!

AWANG. Malam ini bulan kita hěndak di-makan Rauh. Rauh itu kata orang tua-tua ular naga bėsar, dia-lah yang hěndak mēnėlan bulan.

SULONG. Ada saya mēndėngar nenek saya bėrchěrita fasal itu dahulu. Ingat-ingat lupa saya chěrita-nya.

AWANG. Chěrita-nya bagini, sa-kali dalam sa-tahun binatang Rauh datang kapada bulan itu mēngajak dia kahwin. Jika bulan itu tidak mahu, hěndak di-tėlan-nya.

SULONG. Kalau tiada lagi bulan těntu-lah dunia kita tidak bėrsėri. Bulan itu pula baik kapada kita. Těntu tidak kita palarkan dia kėna tėlan oleh naga itu, mėsti kita tolong.

AWANG. Mėsti kita tolong, lėkas-lah Awang. Kita sudah lambat budak-budak itu sudah pun mēnanti kita di-sana.

SULONG. Ia-lah; tėlapi macham mana saya hěndak tolong! Apa hěndak saya buatkan?

AWANG. Ikut-lah saya sahaja Awang. Nanti saya bėri kapada-mu sa-batang kayu dan sa-buah tin kosong ěngkau pukul-lah tin itu kuat-kuat. Bila naga itu dėngar bunyi tin itu tiada-lah jadi naga itu mēnėlan bulan itu.



SULONG. Mēngapa boleh tidak jadi ia mē-nēlan?

AWANG. Apabila di-dēngar-nya bunyi-bunyi bising itu kēpala-nya pun pēning, tidak tērdaya ia mēnēlan bulan itu.

SULONG. Oh begitu! Baik-lah saya hēndak masok bērsama-sama mēlawan naga jahat itu.

AWANG. Mari-lah.

LAKUNAN II. Di-Lorong Lain. Bēbērapa minit kēmudian. *Kira-kira dēlapan atau sapuluh orang kanak-kanak mēmukul bērturut-turut kali akan tin-tin kosong tērlalu riuh bunyi-nya sērla bērtēriak bērkata "Jangan makan bulan, jangan makan bulan."*

*Kēluar SULONG dēngan AWANG.*

AWANG. Sēmua orang diam (*sēmua-nya pun diam bēlaka*) sēmua orang ada tin kosong?

SĒMUA ORANG. Ada, ini dia.

AWANG. Bukan-kah siang lagi ini? Tidak-kah ēngkau sēmua nampak bulan itu maseh chērah lagi? Jangan-lah bising dahulu. Nanti-lah sampai naga itu dēkat dahulu.

SULONG. Ya bētul. Datok nenek kita di-kampong-kampong itu bēlum pun mēmukul tin-nya. Kita nanti-lah bila dia pukul kita pun pukul-lah.

AWANG. Apa hěndak buat sěkarang buat-lah, tětapi běrjaga-jaga-lah jangan tidor. Kita sěmua městi tolong bulan malam ini.

SĚMUA ORANG BĚRSAMA-SAMA. Malam ini kita městi tolong bulan. Kita městi tolong bulan.

AWANG. Wah (*měmandang ka-langit*). Měngapa malam ini makin běransor gělap? Budak-budak sěmua sědia. Budak-budak sěmua sědia.

SULONG. Saya tahu, saya tahu. Itu tanda naga itu sudah děkat kapada bulan.

AWANG. Ini-lah dia kětika-nya kita boleh mėnolong bulan itu.

SĚMUA ORANG BĚRSAMA-SAMA. (*Měmukulkan tin itu běrturut-turut sěrta běrtěriak*) "Jangan makan bulan, jangan makan bulan."

*Kěluar BADOR.*

BADOR. Hai, hai, apa bising-bising ini?

AWANG. Oh ěngkau Bador! Mari-lah kita sama mėnolong bulan. Ini dia tin kosong děngan kayu.

BADOR. Aku tidak mahu champor děngan ěngkau sěmua. Aku bukan orang gila. ěngkau ini sěmua sa-mata-mata buat bising sahaja siapa pun tiada mėndapat fa'edah.

SULONG. Siapa kata?

BADOR. Aku-lah yang mēngata.

SULONG. Tidak-kah ěngkau tahu kami sēmua hēndak mēnolong bulan?

BADOR. Cheh, bodoh! Aku tidak ěrti apa sēbab-nya ěngkau sēmua boleh jadi bagini bodoh.

SĒMUA-NYA. (*Bĕrdiri dĕngan marah-nya*).  
Apa?

AWANG. Mari kita bĕlasah akan dia ramai-ramai.

SĒMUA-NYA. Ya, pĕgangkan dia, pĕgangkan dia.

SĒMUA-NYA BUDAK-BUDAK *itu pun mĕngĕjar hēndak mēnangkap BADOR tĕtapi ia lĕpas lari. Sa-tĕlah itu budak-budak itu pun balek-lah ka-lĕmpat-nya masing-masing.*

AWANG. Biar-lah dia pĕrgi jangan kita ambil pĕduli orang yang macham itu, dia memang budak nakal.

SULONG. Biar-lah boleh saya ajar dia, bila saya bĕrjumpa dia esok tahu-lah saya buat kan kapada dia.

AWANG. Dia memang minta kěna ajar. Tengok běrani-nya měngejek-ngejek kita.

*SAKALIAN BUDAK-BUDAK itu pun měnquap kěrana měreka sudah měngantok, kěchuali AWANG. Ia běrsiar-siar sěraya měmandang ka-langit.*

AWANG. Oh. Apa dia ini? Budak-budak sěmua, bangun, bulan makin chěrah, bulan makin chěrah.

*SĚMUA BUDAK-BUDAK itu pun bangun.*

SĚMUA-NYA. Hurray, naga itu sudah lari, naga itu sudah lari, hurray.

AWANG. Bětul. Tengok awan gělap itu. Itu bayang-bayang naga itu lari.

SULONG. Tengok bulan, bětapa chantek-nya ia měmběri kita chahaya-nya sapěrti orang lěrsěnyum sahaja.

AWANG. Kawan-kawan sěmua mari kita běrsuka ria. Apa ragam kamu hěndak buat buatlah.

SĚMUA-NYA. *Ada yang běrjoget dan ada yang měnari sambil měmukul-mukul tin itu.*

TAMMAT

## PASAR SELABU

AHLI-AHLI PELAKUN:—

AWANG  
ISTĒRI-NYA  
KĒRBAU-NYA  
SAMAT  
LONG MAMAT  
NGAH LĒBAI  
KULOP LALAI  
ODIN PANDAI  
BABA ONG  
PA' OLONG

MASA-NYA: Pagi Khamis.

TĒMPAT-NYA: Rumah Awang.

### LAKUNAN I.

*Kĕluar* PA' OLONG.

OLONG. As-salamu'alaikum Che' Awang, apa khabar?

AWANG. 'Alaikum salam, khabar baik. Apa hajat?

OLONG. Běri-lah saya pinjam kěrbau Che' Awang.

AWANG. Hěndak pinjam kěrbau, apa salahnya. Apa hěndak buat?

OLONG. Saya hěndak pěrgi ka-Pasar Sělabu.

AWANG. Hěndak pěrgi sa-orang sahaja-kah?

OLONG. Ada kawan-kawan lain yang hěndak pěrgi běrsama-sama.

AWANG. Siapa-siapa dia?

OLONG. Samat, Long Mamat, Ngah Lěbai, Kulop Lalai, Odin Pandai dan Baba Ong.

AWANG. Ramai itu, kěreta yang hěndak mēm-bawa orang-orang itu těntu-lah městi kuat. Bila Che' Olong hantarkan balek kěrbau saya?

OLONG. Hari Juma'at pětang, kalau tidak pagi Sabtu.

AWANG. Ambil-lah.

OLONG. Těrima kaseh-lah sahaja banyak-banyak. (*Ia pun masok*)

LAKUNAN II. Sa-tĕngah jam lĕpas daripada itu.  
Di-luar rumah Pa' Olong.

PA' OLONG *mĕnuntun tali kĕrbau. Kawan-  
kawan-nya yang lain mĕnanti.*

OLONG. Kita sudah ada kĕrbau ini boleh-lah  
kita pĕrgi. Sa-orang pĕrgi-lah mĕngambil  
kĕreta, boleh saya pasangkan kĕrbau ini.

SAMAT. Kĕreta?

MAMAT. Kĕreta?

LĒBAI. Kĕreta?

LALAI. Kĕreta?

PANDAI. Kĕreta?

ONG. Kĕreta?

OLONG. Tiada awak sĕmua bĕrkĕreta?

SĒMUA. Tiada, kami tiada bĕrkĕreta.

OLONG. Kalau bagitu kita sĕmua kĕna-lah  
mĕmachu kĕrbau ini. Mari Samat, saya tolong  
awak naik dahulu.

SAMAT. (*Naik hĕndak mĕmachu kĕrbau itu*):  
Pĕgang-pĕgang-lah kĕrbau ini jangan dia lari-  
kan saya,

OLONG. Long Mamat pula naik.

MAMAT. (*Naik ka-atas kěrbau*). Amboi tinggi rasa-nya.

OLONG. Sěkarang gilir Ngah Lěbai pula.

LĚBAI. Tinggi bėnar. Kalau ada tangga alangkah baik-nya.

OLONG. Tiada tangga. Mari kami ramai-ramai angkatkan ěngkau ka-atas kěrbau ini. (*Orang-orang lain měnjuakkan Ngah Lěbai ka-atas kěrbau itu*) Kulop Lalai, ěngkau pula naik.

LALAI. Kurus bėnar kěrbau ini, tulang-nya sahaja bĕrbonggol-bonggol.

OLONG. Tidak apa-lah, naik-lah Udin Pandai.

PANDAI. Orang-orang yang gĕmok-gĕmok sudah lĕpas naik tiada tĕmpat lagi.

OLONG. Insut ka-hadapan sadikit awak sĕmua. Naik Udin, awak sĕndiri sahaja boleh naik.

SĔMUA. Ha! ha! ha!

OLONG. Naik Baba Ong.

BABA ONG *měnchoba bĕbĕrapa kali hĕndak naik ka-atas kěrbau itu, tĕlapi ia tĕrgĕlonsor*



*ka-ekor kĕrbau itu lalu jaloh. Sĕmua-nya lĕr-tawa. Kĕmudian PA' OLONG mĕnjuakkan ia naik ka-atas kĕrbau itu.*

OLONG. Pĕgang kuat-kuat Baba Ong. Kita hĕndak bĕrjalan.

*Kĕrbau itu tĕrmĕngĕh-mĕngĕh bĕrjalan di-tuntun oleh PA' OLONG.*

---

LAKUNAN III. Pagi Sabtu di-atas sa-buah bukit.

*KĔRBAU itu tĕlah rĕbah di-atas tanah itu sakit. Orang-orang yang mĕnunggang-nya ladi dudok di-atas tanah itu bĕrupa susah hati. Mĕreka pun sakit juga. Kĕluar AWANG di-kaki bukit itu.*

AWANG. Mana dia kĕrbau aku agak-nya? Tiada-lah aku bĕrjumpa dia lagi. (*Ia mĕng-angkalkan tangan-nya ka-atas dahi sĕraya mĕ-mĕrhatikan ka-atas bukit itu*) Itu pun dia di-atas bukit itu. (*Ia bĕrlari ka-atas bukit itu*) Mĕngapa? Apa fasal kĕrbau aku baring ini?

OLONG. Jangan-lah marah Awang, kĕrbau awak sakit. Saya sĕndiri pun sakit juga.

SAMAT. Saya pun sakit.

MAMAT. Saya pun sakit.

LĚBAI. Saya pun sakit.

LALAI. Saya pun sakit.

PANDAI. Saya pun sakit.

ONG. Saya pun sakit.

KĚRBAU *itu mĕngĕloh lalu mati.*

AWANG. (*dudok di-atas batu lalu mĕnangis*).  
Boo-hoo-hoo.

OLONG. Boo-hoo-hoo.

SAMAT. Boo-hoo-hoo.

MAMAT. Boo-hoo-hoo.

LĚBAI. Boo-hoo-hoo.

LALAI. Boo-hoo-hoo.

PANDAI. Boo-hoo-hoo.

ONG. Boo-hoo-hoo.

AWANG (*mĕnangis juga lagi*). KĚrbau aku sudah mati. (*Ia pun pulang ka-rumah-nya*).

OLONG. Aku mati-lah juga. (*Dia rĕbah lalu mati*)

SAMAT. Aku mati-lah juga. (*Dia rěbah lalu mati*)

MAMAT. Aku mati-lah juga. (*Dia rěbah lalu mati*)

LĚBAL. Aku mati-lah juga. (*Dia rěbah lalu mati*)

LALAI. Aku mati-lah juga. (*Dia rěbah lalu mati*)

PANDAI. Aku mati-lah juga. (*Dia rěbah lalu mati*)

ONG. Aku mati-lah juga. (*Dia rěbah lalu mati*)

---

LAKUNAN IV. Pada suatu malam gělap, setahun kěmudian daripada itu.

*Hantu KĚRBAU dan hantu PA' OLONG děngan hantu kawan-kawan-nya di-atas bukit . AWANG děngan ISTĚRI-NYA běrjalan hěndak pulang ka-rumah-nya.*

AWANG. Kita sudah tiada kěrbaui lagi, kěnalah kita běrjalan kaki.

ISTĚRI-NYA. Pěnat bětul-lah běrjalan kaki ya?

Orang-orang yang naik kěrbau kita dahulu ka-  
mana pěrgi-nya?

AWANG. Orang-orang itu pěrgi ka-Pasar Sělabu.  
Di-situ měreka makan rojak basi lalu sakit,  
kěmudian sěmua-nya orang-orang itu mati di-  
atas bukit ini-lah. Kata orang kadang-kadang  
waktu malam di-bukit ini.....

ISTĒRI-NYA. (*Takut*). Tengok, apa běnda-nya  
itu, apa běnda-nya itu?

AWANG. Kěrbau kita, Pa' Olong dan kawan-  
kawan-nya.

OLONG. (*Sapěrti suara hantu*). Oooooo!

SAMAT. " Oooooo!

MAMAT. " Oooooo!

LĒBAI. " Oooooo!

LALAI. " Oooooo!

PANDAL. " Oooooo!

ONG. " Oooooo!

AWANG. }  
ISTĒRI-NYA. } Hantu! (*Kědua-dua-nya lari*).

TAMMAT

## BABU

AHLI-AHLI PĒLAKUN:—

BABU—*Sang Gajah yang muda*

IBU SANG GAJAH

KANA

RAJA

PĒNGIRING-PĒNGIRING RAJA

ORANG MĒNAPAK

KĒTUA PĒNJAGA KANDANG

PĒMBURU YANG PĒRTAMA

” ” KĒDUA

” ” KĒTIGA

MASA-NYA: Zaman dahulu.

TĒMPAT-NYA: Di-suatu tĕmpat di-nĕgĕri India.

LAKUNAN I. Dalam Hutan.

KANA *ia-lah sa-orang yang diam di-dalam bandar. Ia tĕlah sĕsat jalan di-dalam hutan dan mĕnchari jalan hĕndak kĕluar. Oleh itu tĕrlalu-lah ia pĕnat sĕrta dahaga. Maka kĕlihatan-lah oleh-nya sa-buah lasek ayer-nya tĕrlalu jĕrneh, lalu ia pun pĕrgi-*

lah ka-situ hěndak minum. Ia měmbongkok hěndak měngambil ayer. Dalam pada itu ia pun pengsan lalu jatoh-lah ka-alam ayer itu. Di-sabělah sana tasek itu juga BABU Sang Gajah těngah měnyiramnyiramkan ayer ka-atas badan-nya děngan bělalai-nya hěndakkan sějok. Ia nampak akan KANA jatoh itu.

BABU. Kasehan orang itu! Kasehan! Saya hěndak pěrgi sělamatkan dia. Měngapa manusia tidak mahu dudok di-rumah? (Ia běrlari měndapatkan KANA. Ia měngangkat KANA lalu mělětakkan dia ka-atas těbing tasek itu).

KANA. (Těrpěranjal běsar). Hai! Apa dia binalang-nya yang sa-běsar ini, těntu-lah di-bunoh-nya saya. Mati-lah saya sa-kali ini. Mati-lah saya sa-kali ini. (Ia měnchoba bangun hěndak lari tětapi ia jatoh pengsan sa-mula).

BABU. Manusia ini takutkan aku nampak-nya. Aku hěndak buat baik kapada-nya supaya jangan lagi ia sangkakan binatang gajah jahat. Siapa-lah hěndak binasakan běnda sa-kěchil ini. Tětapi kalau ia hěndak měrosakkan bangsa kami, těntu-lah kami rosakkan dia. Ini jangankan ěmak aku, atau bapa saudara-ku aku sěndiri pun tidak mahu rosakkan dia.

KANA. *Měnarek nafas panjang.*

BABU. Apa hěndak aku buat sěkarang? Bina-tang gajah tidak boleh běrfikir lěkas-lěkas sa-pěrti manusia. Manusia memang pandai. Aku městi buat sa-suatu apa sa-bělum ia sėdar supaya hati-nya suka. Aku tahu. Aku hěndak charikan dia buah-buahan dan těbu (*Ia masok. Ada sa-kělika ia kěluar měmbawa buah rambutan, durian dan těbu lalu di-lėlakkan-nya dėkat KANA*).

KANA. (*Bangun*). Wah! Rambutan, durian! (*Ia makan*) Manis-nya! Těbu ini manis nam-pak-nya. Aku hěndak choba makan sadikit.

BABU. (*Běrchakap sa-orang diri*). Tengok dia makan! Těntu-lah dia lapar. Bodoh bětul manusia ini, měngapa di-buang-nya kulit durian itu? Tengok-lah lama-nya ia makan těbu sa-běsar itu.

KANA. (*Měmandang kapada gajah itu*). Wah! Sang Gajah, baik sunggoh ěngkau ini, sa-pěrti manusia juga. Orang dalam bandar kata gajah jahat. Sěmua gajah-gajah sa-pěrti ěngkau-kah?

BABU. Aku suka sěbab ěngkau tidak takutkan aku lagi. Měngapa ěngkau buang kulit durian itu, kulit rambutan dan hampas těbu?

Bukan-kah rugi? Tětapi tidak měngapa-lah, mari ikut aku. Boleh ěngkau diam děngan ěmak aku. (*Ia pun mělangkah ka-hadapan dua tiga lapak*)

KANA. (*Měngangkat kědua bělah tangan-nya*). Hai Sang Gajah, aku ini sěsat jalan, aku tidak tahu jalan hěndak pulang.

BABU. Mari-lah ikut aku pulang ka-rumah-ku. ěngkau boleh-lah dudok děngan ěmak-ku. Dia hampir-hampir lagi buta, tiap-tiap hari aku kěna měnchari untok dia buah-buahan, tarok-tarok kayu rěbong dan těbu. Aku boleh juga měncharikan buah-buahan untok ěngkau.

KANA. (*Tidak běrgěrak*). Jangan-lah pěrgi dahulu Sang Gajah, jangan-lah pěrgi. Aku sěsat jalan, tidak-kah boleh ěngkau tunjokkan aku jalan?

BABU. (*Tidak faham akan kala-kala itu, sěraya ia běrjalan juga*). Mari-lah manusia ikut aku.

KANA. (*Běrtambah takut*). Sang Gajah....  
.....mari-lah tunjokkan aku jalan balek. Kalau tidak těntu-lah aku mati.

BABU. (*Sěkarang baharu faham akan kata KANA*). Oh ěngkau hěndak pulang ka-bandar



těmpat banyak habok, asap dan kotor itu? Sěkarang baharu-lah aku faham. Gajah memang lambat bėrfikir. Mari (*di-angkat-nya KANA lalu di-lětak-nya ka-atas těngkok-nya*). Aku hěndak bėri tahu ěmak-ku dahulu ka-mana aku hěndak pėrgi kěmudian baharu-lah boleh kita pėrgi. (*Kědua-dua-nya bėrjumpa děngan Ibu Gajah di-bawah sa-pohon kayu bėsar di-dalam hutan*).

IBU GAJAH. Ini baharu Babu balek. Měngapa ěngkau lambat balek hari ini? Sudah chěmas hati aku.....Apa atas těngkok ěngkau itu?

BABU. (*Mělėlakkan KANA ka-atas tanah*) Ini dia bėnda-nya yang saya bawa. Těntu ěmak kěnal. ěmak sudah tua sěrta pandai.

IBU GAJAH. Manusia! ěngkau bawa balek manusia? Manusia memang musuh gajah. Dia mėnangkap dan mėnembak kita. Bapa ěngkau tėlah di-bunoh oleh manusia tiga tahun dahulu. ěngkau tahu apa di-buat-nya kapada Mak Chik ěngkau? Di-gali-nya lobang jadi jėrat. Apabila Mak Chik ěngkau itu jatoh ka-situ di-ikat-nya dia lalu di-bawa-nya pėrgi. Ini ěngkau bawa pula manusia balek. Aku takut Babu. Bunoh dia! (*Ia mėngangkat bėlalai-nya hěndak mėmalu KANA*).

BABU. (*Měnahan ěmak-nya*). Jangan ěmak. Jangan buat begitu ěmak. Bukan sěmua-nya orang hěndak měmbinasakan kita. Nanti saya hantarkan dia kěluar hutan ini. Saya hěndak tinggalkan dia pada jalan itu. Kěmudian nanti saya balek měmbawakan ěmak buah-buahan untok ěmak. Saya pěrgi ya ěmak! (*Gajah ilu pun měngangkat KANA*).

---

LAKUNAN II. Kěmudian. Di-pintu gěrbang istana.

RAJA *turun dari alas istana di-iring oleh pěngiring-pěngiring-nya kěrana hěndak běrańgkat ka-bandar dalam suatu pěra-rakan.*

KANA. (*Měnyěmbah*). Ampun tuanku běribu-ribu ampun. Ada sadikit patek hěndak sěmbahkan kapada tuanku.

RAJA. Apa dia?

KANA. Khabar-nya tuanku gěmarkan gajah?

RAJA. Memang bětul. Sěmua orang tahu aku susah hati sěbab gajah kěnaikan aku tělah mati. Kalau dapat-lah aku ganti-nya alang-kah elok-nya. Sěkarang kěna-lah aku naik gajah tua. Apa hajat ěngkau, chakap-lah lěkas.

KANA. Jika tuanku bėri pėmburu mėngikut patek, boleh-lah patek tunjokkan tėmpat sa-ekor gajah jantan yang tėrlalu chantek. Amboi! tidak dapat patek hėndak chėritakan, chantek rupa-nya itu. Memang layak bėnar jadi kėnaikan tuanku.

RAJA. Nanti aku bėri ėngkau hadiah kėrana mėmbėri aku tahu. Pėngiring-pėngiring-ku, pėrgi-lah kamu mėmbėri tahu pėmburu-pėmburu-ku suroh tangkap gajah itu. Aku hėndak tunggang dia di-dalam pėrarakan yang lagi sa-kali esok. Jangan chachatkan dia barang sa-dikit jua pun.

KANA *mėngundor pėrlahan-lahan dan pėrarakan itu pun bėrjalan-lah.*

---

LAKUNAN III. Kėmudian. Di-dalam hutan.

PėMBURU-PėMBURU *mėmbuat pėrangkap lobang.* BABU *lalu di-situ kėmudian tėr-jatoh ka-dalam lobang itu. Ia pun bėr-tėmpak tėrlalu kuat.*

PėMBURU YANG PėRTAMA. Sudah kėna.

PėMBURU YANG KėDUA. Chantek sunggoah gajah itu. Bėlum pėrnah lagi aku mėlihat binatang yang sa-chantek ini.

PĚMBURU YANG KĚTIGA. Těntu-lah Raja akan mĕmbĕri hadiah kapada Kana.

PĚMBURU YANG KĚĚMPAT. Kana bagaimana ĕngkau tahu ada gajah di-dalam hutan ini?

KANA. Tiga bulan dahulu, saya sĕsat di-dalam hutan ini, hingga saya pengsan sĕbab pĕnat dan kĕlaparan lalu jatuh ka-dalam tasek itu. Gajah ini nampak, di-angkat-nya saya dari dalam tasek itu di-bĕri-nya saya buah-buahan. Bila saya tĕlah chukup sehat di-bawa-nya saya kĕluar dari hutan ini. Sambil ia mĕmbawa saya kĕluar itu saya chamkan baik-baik tĕmpat itu, supaya saya boleh tangkap dia untok raja.

PĚMBURU YANG PĚRTAMA. Bĕtul tidak mĕmbalas jasa Si-Kana ini.

PĚMBURU YANG KĚDUA. Bukan bagitu. Gajah ini tĕntu lĕbeh sĕronok lagi dudok dĕngan raja daripada di-dalam hutan ini. Orang bĕrbudi, kita bĕrbahasa.

PĚMBURU YANG KĚTIGA. Kawan-kawan saka-lian, mari-lah kita balek ka-istana raja sa-bĕlum hari malam.

*Mĕreka mĕngĕluarkan BABU dari dalam lobang itu lalu mĕmbawa ia bĕrsama-sama balek.*

LAKUNAN IV. Lima hari kěmudian. Dalam  
bilek di-istana raja.

RAJA *běrsěmayam di-atas takhta-nya di-  
adap oleh orang běsar-běsar-nya.*

KĒTUA GĒMBALA KANDANG *běrlari tidak běr-  
kětahuan arah.*

GĒMBALA. Ampun tuanku, gajah yang baharu  
tuanku dapat itu, sakit.

RAJA. Sakit? Baharu lima hari dahulu aku  
nampak dia sa-sehat-sehat-nya.

GĒMBALA. Sěměnjak dia tiba, tuanku, suatu  
běnda pun ia tidak mau makan, dan sadikit pun  
ia tidak mau minum.

RAJA. (*Měnghěntakkan kaki-nya marah*). Apa  
sudah ěngkau buat kapada gajah itu. Bukan-  
kah aku suroh jaga dia baik-baik? Měngapa  
ěngkau tidak běri dia makan sudah lima hari?

GĒMBALA. Dia tidak mau makan tuanku.

RAJA. Agak-nya ěngkau tidak běri apa-apa  
yang ia suka. ěngkau tidak běri tarok-tarok  
kayu yang muda, těbu-těbu dan buah-buah  
yang manis dan ayer yang běrseh.

GĚMBALA. Ampun tuanku, patek tělah bėri kapada-nya sěmua-nya daripada bėnda-bėnda yang baik bėlaka. Patek tělah buat kan těmpat tidor-nya lěmbut-lěmbut, kandang-nya pun kandang yang luas sa-kali dan bėrseh. Kami sěmua těr lalu sayang akan dia sėbab dia baik. Patek fikir kan dia rindu hėndak balek ka-těmpat-nya.

RAJA. Rindu hėndak pulang? Apa kurang-nya di-dalam kandang aku? Di-mana ada těmpat yang lėbeh elok? Bukakan rantai-nya, lėpaskan biar dia pėrgi ka-mana ia suka. Boleh kita ikut dia dari bėlakang. (GĚMBALA *bėr-jalan mėngundor ka-bėlakang*).

RAJA. (*Kapada PĚNGIRING-PĚNGIRING-NYA*). Datok sakalian! Bukan-kah pėlek kėlakuan gajah dėmikian? Saya hėndak tahu apa sėbab-nya kėlakuan-nya bagitu.

---

LAKUNAN V. Kėmudian di-dalam hutan.

BABU *bėrlari-lari hėndak mėnuju ka-těmpat ěmak-nya*. GĚMBALA KANDANG, PĚNGIRING-PĚNGIRING RAJA dan RAJA itu mėngikut dari bėlakang.

KANA. Lėkas Babu lėkas. Ęmak ģngkau mēnanti ģngkau, sudah lima hari ģngkau mēninggalkan dia. Těntu dia rindukan ģngkau!

RAJA. Ikut dia, jangan lėpas di-mata. Tengok pantas-nya ia bėrjalan. Tidak dapat aku hėndak mēnurut-nya.

KANA. (*Bėrlėriak*). Ampun tuanku, gajah itu mēnuju ka-těmpat-nya di-pokok itu.

RAJA. Gajah sėlalu-nya tidak bėrumah dalam pokok.

KANA. Ęmak-nya dudok dėkat sa-buah pokok. Gajah bėtina itu tidak boleh bėrjalan, dia hampir-hampir lagi hėndak buta.

PĔNGIRING. Macham mana ia mēnchari makan?

KANA. Si-Babu-lah mēncharikan makanannya. Hari patek sėsat itu dia tėngah mēnchari buah-buahan, rėbong-rėbong dan tarok-tarok kayu untok ģmak-nya.

RAJA. Kalau bagitu dia tiada makan-lah selama lima hari ini? Kasehan. Sėmua-nya itu fasal kita.

PĔNGIRING. Itu agak-nya ģmak gajah itu. Dia bėrdiri tidak bėrgėrak barang sadikit pun.

Pěmburu-pěmburu bėrkata, bila gajah susah hati memang bagitu-lah tabi'at-nya. Ia bėrdiri tidak bėrgėrak barang sadikit hingga lama-lama ia rėbah mati. Kasehan gajah itu.

BABU. (*Hampir kapada ěmak-nya, dan mē-raba-raba ěmak-nya itu*). ěmak, ěmak, saya sudah balek ěmak.

IBU GAJAH. (*Bėrbunyi sapėrti bunyi binatang susah*). Babu, ěmak tahu manusia tėlah mē-nangkap ěngkau. Manusia memang tidak mēmbalas jasa. Binatang harimau yang bodoh itu pun tahu juga. Sėbab itu-lah dia bunoh manusia jika ia bėrjumpa dėngan-nya. Suka hali ěmak ěngkau sudah balek. Macham mana ěngkau lėpas balek?

BABU. Badan ěmak lėmah nampak-nya. Nanti saya charikan buah-buahan untok ěmak. Macham mana saya lėpas? Orang-orang itu lėpas-kan saya.

IBU GAJAH. Manusia tidak pėrnah mēmbuat bagitu. Jika ia dapat tangkap salah sa-ekor daripada kita sėlalu-nya tidak pėrnah-lah di-lėpaskan-nya.

BABU. Bukan-nya sėmua manusia bagitu mak. Sa-lėngah orang tahu dia buat bagitu tidak baik. Raja itu surohkan Gėmbala kandang itu lėpas-kan saya.



RAJA. Mari kita balek ka-istana.

*RAJA itu berpaling lalu pergi.*

PĚMBURU YANG PĚRTAMA. Mari-lah kita balek.

PĚMBURU YANG KĚDUA. Tidak-kah hĕndak kita tangkap balek gajah itu?

PĚMBURU YANG KĚTIGA. Kalau di-tangkap anak-nya, mati-lah ibu-nya kĕlaparan. Nanti saya tanya raja. (*Ia mĕnyĕmbah mĕmbĕri hormat kapada RAJA*). Ampun tuanku, gajah itu hĕndak di-tangkap balek-kah?

RAJA. (*Mĕnghĕntakkan kaki-nya*). Jangan! Kalau di-tangkap dia, apa jadi kapada ibu gajah itu? Babu pun lĕbeh suka di-dalam hutan daripada di-dalam kandang. Mari ikut aku balek.

*Mĕreka pun pergi.*

BABU. Tengok orang-orang itu sudah balek. Bukan sĕmua-nya manusia ta' baik.

IBU GAJAH. Sĕkarang baharu-lah manusia sudah mula tahu kasehkan binatang.

## MĒNJUAL PĒRKATAAN

AHLI-AHLI PĒLAKUN:—

RAJA LUBOK

ĒNAM ORANG BĒSAR-BĒSAR

PĒNJAGA KĒDAI

MASA-NYA: Zaman dahulu.

TĒMPĀT-NYA: Lubok.

LAKUNAN I. Di-Sabuah lĕboh.

RAJA LUBOK *bĕrjalan di-atas jalan raya bĕr-sama-sama pĕngiring-nya daripada ORANG BĒSAR-BĒSAR. Sa-tĕngah bĕrjalan dahulu dan sa-lĕngah bĕrjalan di-bĕlakang.*

RAJA. Dahulu aku lalu di-sini kĕdai itu bĕlum ada lagi.

ORANG BĒSAR-BĒSAR YANG PĒRTAMA. Kĕdai yang mana tuanku?

RAJA. Kĕdai yang ada i'lan "Mĕnjual Pĕrkataan".

ORANG BĒSAR-BĒSAR YANG KĒDUA. Itu kĕdai baharu tuanku. Baharu sa-minggu sahaja bukanya.

RAJA. Apa dia erti "Měnjual Pěrkataan" itu?

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG KĚTIGA. Kata orang, pěnjaga kėdai itu orang bijak pandai tuanku, dia měnjual pěrkataan itu.

RAJA. Pěrkataan apa yang di-jual-nya? Pěrkataan itu di-chapkan-nya-kah chantek-chantek di-atas kėrtas-kah?

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG KĚĚMPAT. Tidak tuanku, dia sěndiri měnulis-nya.

RAJA. Oh begitu. Chantek bėnar-lah agak-nya bėkas tangan-nya?

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG KĚLIMA. Tidak, tulisan-nya saperti chakar ayam sahaja tuanku payah hěndak kita bacha.

RAJA. Kalau tidak chantek měngapa orang suka měmbėli pěrkataan-nya?

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG KĚĚNAM. Kata orang tuanku, pěrkataan-pěrkataan yang di-jual-nya itu bėrguna kapada orang yang měmbėli-nya kėrana pěrkataan-pěrkataan itu boleh mě-nolong orang itu.

RAJA. Mari kita pėrgi ka-kėdai-nya boleh kita bėrchakap-chakap děngan dia.

LAKUNAN II. Kěmudian. Sa-buah kědai.

*Kěluar RAJA LUBOK běrsama-sama děngan  
ĒNAM ORANG BĒSAR-BĒSAR-NYA.*

PĒNJAGA KĒDAI. Ampun tuanku běribu-ribu ampun, běrchěmar kaki tuanku sahaja tuanku běrangkat ka-těratap patek.

RAJA. Pělek běnar kědai ěngkau ini. Tidak ada barang lain daripada meja kěrusi, kěrtas dawat dan kalam.

PĒNJAGA KĒDAI. Memang itu sahaja barang-barang yang wajib patek sědiakan.

RAJA. Bukan-kah pěkěrjaan ěngkau ini mě-nipu sa-mata-mata, měněrima wang kěrana měnuliskan pěrkataan-pěrkataan?

PĒNJAGA KĒDAI. Patek tělah běrguru lama běrlajarkan pěrkataan-pěrkataan yang boleh mě-nolong orang.

RAJA. Ka-mana ěngkau pěrgi běrguru?

PĒNJAGA KĒDAI. Patek tělah běrguru kapada orang yang pandai-pandai dan wali-wali di-tanah 'Arab dan Farsi.

RAJA. Sa-rupa-kah pěrkataan-nya ěngkau běri kapada tiap-tiap orang?

PĚNJAGA KĚDAI. Oh tidak tuanku, patek kaji bětul-bětul muka-nya baharu-lah patek bėri pėrkataan-pėrkataan yang padan dėngan-nya.

RAJA. Mari, aku hėndak bėli pėrkataan daripada ěngkau.

PĚNJAGA KĚDAI. Patek takut kalau tuanku murka kapada patek jika patek sėbutkan harga-nya.

RAJA. Jangan ěngkau takut aku tidak murka. Sėbut-lah bėrapa harga-nya.

PĚNJAGA KĚDAI. Patek takut tuanku murka, tėtapi pėrkataan yang patek jualkan kapada tuanku itu, harga-nya tidak boleh kurang daripada tiga ribu ringgit.

ORANG BĚSAR YANG KĚĚNAM. Tiga ribu ringgit! Biar-lah patek tangkap dia ini. Pėnipu bėsar orang ini.

RAJA. Jangan. Aku hėndak bėli pėrkataan-nya. Pėrgi siapa-siapa mėngambil wang sėgėra.

PĚNJAGA KĚDAI. Ampun tuanku, ini dia pėrkataan-pėrkataan-nya (*la mėnuliskan tiga patah pėrkataan di-atas sa-charek kėrtas lalu di-unjokkan-nya kapada RAJA itu*).

RAJA. "Sěmua-nya aku tahu." Pělek bunyinya pěrkataan ini. Macham mana pěrkataan ini boleh mēnolong aku. Tětapi tidak mēngapalah boleh kita nanti. Jikalau bětul pěrkataan ini boleh mēnolong aku nanti aku bėri suatu hadiah kapada ěngkau sěrtā wang tiga ribu ringgit itu.

---

LAKUNAN III. Sa-minggu kěmudian. Suatu lorong.

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG PĚRTAMA *běrtěmu děngān* ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG KĚDUA.

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG PĚRTAMA. Ka-mana awak pěrgi sa-lama ini ta' ada nampak-nampak?

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG KĚDUA. Saya pěrgi ka-Kědah mēnengok anak saya.

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG PĚRTAMA. Bila awak pěrgi?

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG KĚDUA. Saya běrtolak ka-Kědah hari esok-nya lėpas raja mēmbayar tiga ribu ringgit kapada pěnjaga kědai harga tiga patah pěrkataan itu.

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG PĚRTAMA. Ya, itu saya memang ingat. Awak pun ada bĕrsama-sama hari itu. Ada-kah awak dĕngar apa-apa hal yang bĕrlaku kĕmudian daripada itu?

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG KĚDUA. Ta' ada. Mĕngapa? Pĕnjaga kĕdai itu kĕna dĕnda-kah?

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG PĚRTAMA. Tidak. Sa-balek-nya dia sudah di-bĕri pangkat Pĕrdana Mĕntĕri.

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG KĚDUA. Pĕrdana Mĕntĕri! Apa jasa-nya?

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG PĚRTAMA. Itu panjang chĕrita-nya.

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG KĚDUA. Tolong-lah chĕritakan kapada saya.

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG PĚRTAMA. Dua hari lĕpas tuanku mĕmbĕli pĕrkataan-pĕrkataan itu ia bĕrchukor. Tukang Chukor Istana mĕnchukor-nya, sĕdang bĕrchukor itu mĕnyĕbut kuat-kuat "Sĕmua-nya aku tahu."

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG KĚDUA. Mĕngapa ia mĕnyĕbut pĕrkataan-pĕrkataan itu kĕtika itu?

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG PĚRTAMA. Ia hěndak mėlancharkan pěrkatanaan-pěrkatanaan itu supaya ia jangan lupa.

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG KĚDUA. Kěmudian apa jadi?

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG PĚRTAMA. Apabila tukang chukor itu měnděngar pěrkatanaan itu, ia pun rěbah těrtiarap di-atas tanah di-hadapan raja itu. Kata-nya "Ampun tuanku bėribu-ribu ampun. Boleh patek chěritakan sěmua-nya hal ini. Patek tidak sa-kali-kali mahu měmbuat-nya. Tětapi Pěrdana Měntěri itu tėlah měmaksa patek běrjanji měmbuat-nya."

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG KĚDUA. Běrjanji měmbuat apa?

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG PĚRTAMA. Běrjanji hěndak měnyěmbělehan leher raja itu. Kěmudian, raja itu pun tahu-lah bichara hěndak měmbinasakan baginda itu.

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG KĚDUA. Apa Raja itu buat?

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG PĚRTAMA. Di-suroh-nya tangkap Pěrdana Měntěri lama itu, kěmudian di-angkat-nya Pěnjaga Kědai itu měnggantikan-nya.



ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG KĚDUA. Kalau bagitu pěrkataan-pěrkataan itu tidak sama děngan tiga ribu ringgit kapada Raja itu.

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG PĚRTAMA. Memanglah. Pěrkataan-pěrkataan itu tělah měnyělamatkan dia.

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG PĚRTAMA. Saya hěndak sěgěra balek sěbab hěndak pěrgi kajajuan Raja. Dia měmběri sělamat kapada Pěrdana Měntěri baharu itu. Saya di-panggil oleh Raja. Sělamat tinggal.

ORANG BĚSAR-BĚSAR YANG KĚDUA. Sělamat jalan.

TAMMAT

## BAA-BAA-BAA!

AHLI-AHLI PĚLAKUN:—

AHMAD

MUHAMMAD

MASA-NYA: Zaman sĕkarang.

TĚMPAT-NYA: Di-Kuala Lumpur.

LAKUNAN I. Di-suatu lorong.

AHMAD *bĕrtĕmu dĕngan* MUHAMMAD *di-suatu lorong.*

AHMAD. Apa khabar Muhammad? Suka bĕnar hati saya bĕrjumpa awak.

MUHAMMAD. Khabar baik, Che' Ahmad. Tidak sangka-sangka kita bĕrjumpa sa-mula.

*Kĕdua-dua-nya bĕrjabat tangan.*

AHMAD. Bĕrapa lama agak-nya kita tiada bĕrjumpa-jumpa?

MUHAMMAD. Lĕbeh kurang lima tahun.

AHMAD. Sa-lama ini awak di-Kuala Lumpur sahaja-kah?

MUHAMMAD. Ya, mēlainkan sa-kějap sa-kějap masa chuti-chuti pendek saya běrjalan kěluar.

AHMAD. Saya pěrgi ka-Kědah mēlawat ibu bapa saya.

MUHAMMAD. Awak orang bėrtuah. Saya ingin hěndak jadi sapěrti awak.

AHMAD. Sěronok saya běrjalan-jalan itu, tětapi sėkarang saya di-dalam kėsusahan.

MUHAMMAD. Apa fasal?

AHMAD. Sa-bělum saya pěrgi ka-Kědah dahulu saya pinjam wang cheti lima ratus ringgit. Sėkarang di-saman-nya saya.

MUHAMMAD. Bayar-lah hutang itu?

AHMAD. Saya tidak tėrbayar. Kěrja pun puas saya chari-chari bėlum juga dapat. Ēntah bila dapat-nya pun bėlum-lah tahu.

MUHAMMAD. Saya ada satu 'akal yang boleh mēlepaskan awak.

AHMAD. Tolong-lah katakan kapada saya.

MUHAMMAD. Kalau awak pakai 'akal itu tidak-lah saya dapat gunakan dia kėlak.

AHMAD. Tolong-lah saya. Děngar, saya ada satu chadangan. Saya ada lima puloh ringgit. Kalau jadi 'akal awak itu, ambil-lah awak dua puloh lima ringgit.

MUHAMMAD. Baik-lah. Bila awak bichara, pura-pura-lah buat bingong, kěmudian kata-lah 'Baa-baa-baa' sělalul-sělalul těntul-lah awak buang bichara kělak.

AHMAD. Těrmakan bětul pada hati saya. Boleh saya choba.

---

LAKUNAN II. Sa-minggu kěmudian daripada itu. Di-luar Mahkamah Police.

*AHMAD běrjalan kěluar dari mahkāmah di-těmui oleh MUHAMMAD yang sědang mě-nanti-nya di-luar.*

MUHAMMAD. Kělakuan awak masa bichara tadi bětul-bětul sapěrti kělakuan orang bingong. Saya měnděngar-nya pun saya těrperanjat, saya katakan awak bětul-bětul sudah bingong. Pě-ngadil itu pun tělah pěrchaya lalu di-buang-nya bichara. Marah bėnar cheti itu nampak-nya. Awak hěndak bayar dua puloh lima ringgit kapada saya itu pun běrpada.

AHMAD. Baa-baa-baa ,

MUHAMMAD. Bagus! Bagus! Macham orang bingong bětul bunyi-nya. Bayar-lah lėkas. Saya hėndak sėgėra pėrgi.

AHMAD. Baa-baa-baa.

MUHAMMAD. Chukup-lah bėrgurau itu. Bayar-lah.

AHMAD. Baa-baa-baa.

MUHAMMAD. Nanti saya khabarkan kapada pėngadil itu awak tėləh mėmbuat 'akal tadi.

AHMAD. Kalau awak pėrgi mėngadu, tėntu-lah awak kėna hukum bėrat. Baa-baa-baa.

MUHAMMAD. Jangan-lah macham itu 'Che' Ahmad, bayar-lah dua puluh lima ringgit yang awak tėləh janji itu.

AHMAD. Baa-baa-baa.

MUHAMMAD. Baik-lah, ini jadi suatu pėlajaran kapada saya. Lain kali, saya mėsti minta wang tėrlėbeh dahulu, baharu saya tolong sa-sa-orang itu.

AHMAD. Baa-baa-baa.

(MUHAMMAD *pun mašok mėragul-ragul rambut tėrlalu marah-nya*).

TAMMAT

## MAKANAN SANG PAHLAWAN

(Di-Pětek Daripada "*Hikayat Pělandok*")

AHLI-AHLI PĚLAKUN:—

SANG KANCHIL

SANG PAHLAWAN

SANG KIJANG

SANG SUNGKOR

TO' GAJAH

SANG BADAK

SANG MONYET

MASA-NYA: Zaman dahulu.

TĚMPAT-NYA: Di-atas suatu tĕbing  
sungai di-dalam hutan.

*Kĕluar sa-ekor HARIMAU mĕnghela sa-ekor  
KANCHIL.*

HARIMAU. Sa-kali ini sampai-lah ajal ĕngkau, tidak aku lĕpaskan ĕngkau. Baik-lah ĕngkau bĕrtobat. Aku sudah jĕmu mĕndĕngar 'akal putar bĕlit ĕngkau. Kalau ĕngkau tidak jaga-jaga, pĕluang bĕrtobat pun tidak-ku bĕri kapada ĕngkau.

KANCHIL. Jangan-lah begitu Sang Pahlawan.

HARIMAU. Chukup-lah itu. Lėkas-lah. Pėrut aku pun sudah lapar bėnar.

KANCHIL. Baik-lah. (*Ia mėnyėmbah*) Hai sėgala dewa-dewa mambang yang mėnjaga hutan rimba ini sakit-lah pėrut Sang Pahlawan ini dan biar-lah mata-nya tėrpanchut kėluar bila dia mėnėlan aku.....

HARIMAU. Diam-lah bėdėbah. Sėkarang aku tiada bėrani mėmakan ģngkau. Kalau-kalau dewa mambang itu dėngar kata ģngkau. Tėtapi aku boleh mėmbunuh ģngkau.

KANCHIL. Dėngar-lah hamba bėrkata. Kalau Sang Pahlawan mėmakan hamba pun, tidakkan tuan-hamba kėnyang sėbab badan hamba hanya sa-kėpal sahaja bėsar-nya. Tuan hamba, hamba lihat sėdang kėbuloran.

HARIMAU. Diam bėdėbah, bėrani ģngkau bėrkata sa-rupa itu kapada aku.

KANCHIL. Ampunkan-lah hamba ya tuan-hamba. Tėtapi kalau di-bawakan kijang apa kata tuan hamba?

HARIMAU. Jangan-lah ģngkau hėndak mėmbuat bohong kapada-ku.

KANCHIL. Kalau bětul kata hamba, bagaimana?

HARIMAU. Kalau bětul aku lěpaskan-lah ěngkau sa-kali ini.

KANCHIL. Hamba ada suatu 'akal.

HARIMAU. Sabar dahulu. Aku sudah pěnat děngan 'akal pintar ěngkau. Tiap-tiap kali aku těrpedaya oleh ěngkau. Jadi hati-ku memang-lah was-was akan apa-apa chakap ěngkau.

KANCHIL. Jangan-lah tuan-hamba lěkas bėnar měnjadi tidak sabar.

HARIMAU. Memang-lah aku tidak sabar. Tiap-tiap sa'at ěngkau hidup ada sahaja binatang lain yang chělaka oleh ěngkau. ěngkau ini memang-lah binatang bėdėbah.

KANCHIL. Tuan-hamba hěndak mēmikirkan hamba dēmikian apa boleh buat. Tėtapi pada fikiran hamba tuan-hamba kurang 'akal sadikit.

HARIMAU. Apa lagi lain daripada itu? Chakaplah.

KANCHIL. Tuan-hamba děngar-lah baik-baik apa yang hamba kata ini. Tuan-hamba pura-pura buat mati,



HARIMAU. Oh! engkau suroh aku pura-pura buat mati, kemudian bila aku ķjamkan mataku engkau pun chabut-lah ya? Bagus!

KANCHIL. Nanti-lah dahulu, hamba belum habis bērchakap lagi. Pērchaya-lah chakap hamba.

HARIMAU. Apa dia? chakap-lah.

KANCHIL. Macham hamba kata tadi. Tuan-hamba pura-pura buat mati. Kēmudian, nanti hamba pukul chanang mēngatakan Sang Pahlawan tēlah mati. Lēpas itu boleh-lah hamba jēmput Sang Kijang, To' Gajah, Sang Sungkor ka-mari. Sa-tēlah mēreka sakalian datang, boleh-lah kami surohkan Sang Kijang itu mēmandikan tuan-hamba. Sa-tēlah siap sēmua-nya, boleh-lah hamba bēri tuan-hamba isharat mēnangkap Sang Kijang itu.

HARIMAU. Bētul-lah engkau bijak. Aku bērsētuju dēngan chadangan engkau itu, ķchuali sa-fasal sahaja. Kata engkau, engkau hēndak mēmukul chanang mēngatakan aku tēlah mati. Bila aku lēpaskan engkau tēntu-lah engkau tidak balek lagi.

KANCHIL. Tidak payah-lah tuan-hamba lēpas-

kan hamba. Dari sini pun boleh hamba mēratap kuat-kuat biar di-děngar oleh binatang-binatang lain. Tuan-hamba baring-lah pura-pura buat mati. Isharat-nya ia-lah "nyaman."

HARIMAU. Iní tangan aku Sang Kanchil. Ĕngkau bětul binatang bijak.

*HARIMAU pun baring pura-pura mēmbuat mati.*

*SANG KANCHIL mēratap těrлуу kuat.*

*Kěluar SANG MONYET, ia di-atas dahan kayu sahaja liada běrani turun.*

MONYET. Měngapa Sang Kanchil mēratap kuat-kuat ini? Anak-anak Sang Kanchil matikah?

SANG KANCHIL. Tidak-kah Ĕngkau nampak Sang Pahlawan di-hutan těläh mēninggal? Mari-lah turun mėlawat běrsama-sama.

*(SANG KANCHIL mēratap lěbeh kuat lagi)*

SANG MONYET. Oh Sang Pahlawan těläh mēninggal, tětapi baharu sa-jam tadi aku nampak dia baik. Měngapa, kěna lintasan-kah dia?

SANG KANCHIL. Barangkali juga.

SANG MONYET. Těntu bukan lain. Kasehan Sang Pahlawan.

SANG KANCHIL. Turun-lah Sang Monyet.

SANG MONYET. Biar-lah aku di-sini. Aku rasa aku lěbeh sělamat di-sini. Aku sudah těrķēna sa-kali děngan Sang Rangkak di-atas těbing itu dāhulu. Lěpas itu aku běrasa jěran.

*Kěluar* GAJAH.

GAJAH. Měngapa ěngkau Sang Kanchil?

SANG KANCHIL. Oh To' Gajah yang bijaksana. Sang Pahlawan di-hutan tělah měninggal.

GAJAH. Hai Sang Monyet, pěrgi běri tahu Sang Kijang, Sang Sungkor dan Sang Badak katakan aku sěmua sudah datang ka-mari. Aku hěndak minta tolong kuborkan Sang Pahlawan di-hutan.

*MONYET itu pun pěrgi-lah.*

GAJAH. Kita městi sěgěra ķěbumikan dia. ěngkau nanti-lah binatang-binatang lain itu datang di-sini, biar aku pěrgi ka-sungai měngambil ayer. (*Ia pun pěrgi*).

*Kěluar* SANG MONYET běrsama-sama děngan SANG KIJANG, SANG SUNGKOR dan SANG BADAK.

KIJANG. Kasehan dia.

BADAK. Bětul kasehan dia. Tidak di-sangka-sangka dia mati! Baharu sa-jam sahaja tadi aku běrjumpa dia. Dia sehat nampak-nya.

SANG SUNGKOR. Padan děngan muka-nya. Pagi tadi těrperanjat bėsar anak-anak aku di-buat-nya. Tětapi sěkarang sěbab dia tělak mati aku ampunkan-lah dia.

SANG KANCHIL. Pěrgi-lah ěngkau měnggali kubor-nya Sang Sungkor.

SANG SUNGKOR. Baik-lah. (*Ia pun pěrgi*).

SANG KANCHIL. Sang Badak, pěrgi-lah měmbuat jalan dalam sěmak-sěmak itu biar sěnang kita měngusong mayat Sang Pahlawan, sěkarang.

BADAK. Baik-lah, kětika ini juga aku pěrgi (*Ia pun běrjalan*).

SANG KANCHIL. ěngkau Sang Kijang mari kasini, pangku kěpala Sang Pahlawan, mandikan.

SANG KIJANG. Měrbahaya měmbuat bagitu.

MONYET. Bětul kata Sang Kijang itu.

SANG KANCHIL. Jangan-lah jadi bodoh bėnar. Tidak-kah ěngkau nampak dia sudah mati. Mari buat-lah kěrja ěngkau.

SANG KIJANG. (*Di-rasa-nya badan HARIMAU itu*). Badan-nya panas lagi tetapi mulut-nya sudah di-hurong langau. Bětul ia sudah mati. (*Ia mēngangkatkan kēpala HARIMAU itu ka-atas pangku-nya*).

MONYET. Jaga-jaga Sang Kijang, hati saya tidak sēdap barangkali hēndak di-pērdayakan-nya kita.

SANG KANCHIL. Nyaman-lah, Nyaman-lah.

HARIMAU *itu mēndēram lalu mēnērkam akan KIJANG sērta mēmalahkan tēngkok-nya. Sa-lēlah itu ia mēnggonggong akan dia ka-dalam hutan. SANG KANCHIL tēr-tawa lalu lari ka-dalam hutan.*

MONYET. Aku memang tahu tēntu ada sa-suatu hal.

*Kēluar SANG SUNGKOR.*

SANG SUNGKOR. Sudah siap aku mēnggali kubor.

MONYET. Lari Sang Sungkor lari. Ada mēr-bahaya bēsar.

SANG SUNGKOR. Apa? Mana dia mayat Sang Pahlawan di-hutan tadi?

MONYET. Dia sudah lari, di-gonggong-nya Sang Kijang běrsama-sama. Lari Sang Sungkor lari jangan nanti lagi.

SANG SUNGKOR. Chělaka. (*Ia pun běrlari lalu těrhěntam kapada sa-batang kayu*). Adoh sakit-nya hidong aku těrhěntam. Tolong! Tolong!

*Kěluar* GAJAH. *Ia měnggeleng-gelengkan kěpala apabila ia mělihat těmpat itu lěngang.*

GAJAH. Chělaka!

TAMMAT

## GURIS API 'AJAIB

AHLI-AHLI PĒLAKUN:—

AWANG—*Sa-orang hulubalang*  
FATIMAH—*dukun*  
SĒRIGALA YANG PĒRTAMA  
SĒRIGALA YANG KĒDUA  
SĒRIGALA YANG KĒTIGA  
AMANULLAH—*sa-orang pĕminla sĕdĕkah*  
SA-ORANG TUAN RUMAH TUMPANGAN  
PĒLAYAN-PĒLAYAN DI-RUMAH TUMPANGAN  
SULTAN LUBOK  
PUTĒRI SULTAN LUBOK  
SALIMAH—*dayang-nya*  
PĒNGIRING-PĒNGIRING RAJA  
SA-ORANG PĒRTANDA  
HULUBALANG-HULUBALANG  
SA-KUMPULAN ORANG RAMAI

MASA-NYA: Zaman dahulu.

TĒMPAT-NYA: Lubok.

LAKUNAN I. Pagi-pagi hari di-suatu jalan raya hampir dĕngan Lubok.

*Kěluar AWANG sa-orang hulubalang mēnanggong bungkusan di-alas bělakang-nya. Sa-bilah kěris těrsisip pada pinggang-nya. Ia hěndak pulang ka-rumah-nya.*

AWANG.. Aku hěndak běrjalan chěpat-chěpat biar sěgěra sampai. Těntu-lah ěmak aku gadoh. ěntah di-sangka-nya aku mati. Tětapi apabila di-lihat-nya aku balek těntu-lah hati-nya suka.

*FATIMAH sa-orang tua mēnjadi dukun běrdiri di-těngah-těngah jalan. Rupa-nya hodoh běnar. Kulit badan-nya běrgėlambir bibir mulut-nya těrjuntai ka-atas dada-nya.*

FATIMAH. ̣ Apa khabar Awang? Bukan main běrgaya ěngkau běrjalan. Děngar Awang, aku ada suatu pakat, aku ada wang, bėbėrapa banyak ěngkau hěndak boleh aku bėri.

AWANG. Těrima kaseh banyak-banyak ěmak. Apa hajat ěmak?

FATIMAH. ěngkau nampak-kah tunggul pokok itu? Di-dalam-nya ada lubang. Panjat-lah ka-atas-nya něschaya ěngkau běrjumpa sa-buah lubang. Nanti aku hulorkan ěngkau ka-dalam lubang itu děngan tali. Bila ěngkau sudah ambil wang di-dalam lubang itu bolehlah aku tarekkan ěngkau ka-atas sa-mula.



AWANG. Apa ěmak suroh saya buat bila saya lĕpas ka-dalam kayu itu?

FATIMAH. Dalam lubang itu ada sa-buah dewan bĕsar, di-dalam-nya bĕrbilek-bilek banyak lampu-lampu tĕrpasang di-situ. Bilek-bilek itu bĕrpintu. Kunchi-nya tĕrsangkut pada paku lĕmbaga hampir di-situ. Buka-lah pintu itu dĕngan anak kunchi itu.

AWANG. Sĕdap chĕrita-nya ini. Kĕmudian apa pula ěmak suroh saya buat?

FATIMAH. Dalam bilek yang mula-mula itu ada sa-buah pĕti bĕsar. Di-atas-nya ada sa-ekor sĕrigala yang garang rupa-nya mĕnunggu. Mata-nya bĕsar sapĕrti chawan. Tĕtapi jangan-lah ĕngkau takut. Ini ada sa-hĕlai kain. Bĕntangkan dia kĕmudian lĕtakkan-lah binatang itu ka-atas-nya. Sa-tĕlah itu boleh-lah ĕngkau ambil wang di-dalam pĕti itu.

AWANG. Baik-lah.

FATIMAH. Dalam bilek yang lagi satu itu ada juga pĕti, tĕtapi isi-nya wang perak. Ada juga pĕnunggu-nya lĕbeh garang lagi daripada yang mula-mula itu. Mata-nya sa-bĕsar pinggan. Jangan-lah ĕngkau takut. Lĕtakkan sĕrigala itu di-atas kain tadi juga. Kĕmudian ambil-lah wang yang di-dalam pĕti itu.

AWANG. Ini lēbeh baik daripada tadi.

FATIMAH. Isi dalam bilek yang kětiga itu lēbeh baik daripada yang dua-dua tadi. Tětapi sē-rigala pēnunggu-nya pun lēbeh dahshat pula. Mata-nya pun sa-bēsar tēmpayan. Itu tidak mēngapa. Lētakkan sahaja dia di-atas kain tadi. Kēmudian ambil-lah wang ěmas itu.

AWANG. ěmak hēndak apa pula?

FATIMAH. Untok aku ěngkau ambilkan-lah guris api nenek aku yang tērtinggal di-situ kēlmarin.

AWANG. Baik-lah, sanggup-lah saya masok ka-dalam lubang itu. ěmak ikatkan-lah pinggang saya.

FATIMAH *mēngikal pinggang* AWANG *dēngan sa-gulong tali.*

FATIMAH. Bawa-lah kain ini bērsama-sama turun. (*Ia unjokkan sa-hēlai kain kapada* AWANG. AWANG *mēmanjat pokok lalu masok ka-dalam lubang kayu itu.*)

---

LAKUNAN II. Di-dalam lubang kayu itu.

*Dewan di-dalam lubang kayu itu tĕrang bĕndĕrang. Ada bĕbĕrapa buah lampu tĕr-pasang. Dalam dewan itu ada tiga buah bilek. Pada tiap-liap sa-buah ada pintu dan kunchi-nya tĕrsangkut pada paku tĕm-baga. AWANG masok ka-dalam dewan itu.*

AWANG. Biar aku buka pintu bilek yang mula-mula ini.

*Di-buka-nya pintu itu, di-lihat-nya SĔRIGALA YANG PĔRTAMA.*

AWANG. Aku hĕndak buat sapĕrti kata orang tua itu. (*Ia bĕntangkan kain itu di-atas lantai kĕmudian di-lĕtakkan-nya SĔRIGALA itu ka-atas-nya. Sa-tĕlah itu di-buka-nya pĕti itu, di-lihat-nya pĕnoh sĕsak dĕngan wang, kĕmudian di-isikan saku-nya dĕngan wang-wang itu*). Bagus! Sĕkarang kaya-lah aku. Biar aku buka pula pintu yang kĕdua ini. (*Ia mĕmbuka pin-tu lalu masok ka-dalam bilek yang kĕdua*).

*Di-lihat-nya SĔRIGALA YANG KĔDUA.*

AWANG. Garang bĕnar sĕrigala ini. Tĕtapi tiada mĕngapa. (*Di-bĕntangkan-nya kain tadi atas lantai, kĕmudian di-lĕtakkan-nya SĔRIGALA itu ka-situ*). Biar aku bukakan pĕti ini. (*Di-*

*buka-nya pětli itu).* Ini wang perak. Aku tidak mahu lagi wang těmbaga tadi. (*Di-kěluarkan-nya wang těmbaga tadi lalu di-gantikan-nya děngan wang perak itu).*

AWANG. Biar aku masok pula bilek yang kě-tiga ini. (*Di-buka-nya pintu bilek itu lalu masok di-lihat-nya SĔRIGALA YANG KĔTIGA).*

AWANG. Mata-nya sapěrti těmpayan. Garang sungguh binatang ini. Tětapi tidak měngapa, mahu-lah aku sěgěra-sěgěra. (*Di-běntangkan-nya kain itu di-atas lantai itu lalu di-lělakkan-nya SĔRIGALA itu ka-atas-nya. Kěmudian di-buangkan-nya wang perak yang di-dalam saku-nya itu lalu di-isikan-nya děngan wang ěmas. Dalam karong dan kasut-nya itu pun di-isikan-nya juga děngan wang ěmas itu).* Sěkarang sungguh-lah aku kaya boleh-lah aku běli apa-apa juga sa-kěhěndak hati-ku.

AWANG *kěluar dari dalam bilek yang kě-tiga itu lalu mělaong měmanggil FATIMAH orang tua itu suroh tarek.*

FATIMAH. (*Suara kuat*). Ĕngkau sudah ambil guris api yang aku katakan itu?

AWANG. Saya těrlupa ěmak. Nanti saya pěrgi ambilkan. (*Ia pun masok ka-dalam bilek yang kětiga lalu měngambil guris api itu. Kěmudian FATIMAH orang tua itu pun měnarek akan dia naik).*

FATIMAH. Běri-lah aku guris api itu. Ęngkau ambil-lah wang itu.

AWANG. Apa ěmak hěndak buat guris api ini?

FATIMAH. Itu aku tahu-lah. Ęngkau sudah ada wang chukup-lah. Běri-lah kapada aku guris api itu.

AWANG. Kalau ěmak tidak mahu katakan kapada aku guna-nya guris api itu aku binasakan ěmak.

FATIMAH. Aku tidak mahu katakan.

*AWANG měmbinasakan orang tua itu.*

*AWANG pun pěrgi.*

---

LAKUNAN III. Kěmudian. Sa-buah rumah tumpangan di-Lubok.

*Kěluar AWANG běrpakaian sěrba sulěra měmbawa sa-balang longkat yang běrtalahkan děngan ěmas dan pěrmala. TUAN RUMAH TUMPANGAN itu běrdiri.*

AWANG. Saya hěndak sa-buah bilek yang molek sa-kali. Saya hěndak tinggal di-sini sa-lama ěnam bulan. Běrapa-běrapa sewa-nya pun saya bayar. (*Di-unjokkan-nya kapada tuan rumah itu lima ringgit*).

TUAN RUMAH. Těrima kaseh banyak-banyak Dato'. Dato' bėrhajat apa-apa? Makan, minum, sěmua-nya ada.

AWANG. Bawakan saya kopi děngan kueh.

TUAN RUMAH. Sěgěra saya surohkan orang měmbawa-nya, Dato'.

*(Ia pun masok).*

*Kěluar AMANULLAH, sa-orang pěmintla sě-děkah.*

PĚMINTA SĚDĚKAH. Minta-lah hamba dato' lima sen. Sudah dua hari hamba dato' ta' makan.

AWANG. Nah ambil-lah ini (*sambil ia měng-hulorkan wang lima ringgit*).

PĚMINTA SĚDĚKAH. Těrima kaseh banyak-banyak dato'. Dato' pěmurah hati bėnar. Hamba Dato' sělalu nampak dato' masok ka-panggong itu. Těntu-lah dato' orang kaya.

AWANG. Kaya bėnar tidak-lah, tětapi sadikit-sadikit itu ada, apa khabar těmpat ini? Saya baharu tiba ka-sini.

PĚMINTA SĚDĚKAH. Sultan Lubok ada sa-orang putĕri. Kata ahlu'n-nujum tuan putĕri itu akan bĕrkahwin dĕngan sa-orang hulubalang, tĕtapi raja itu memang-lah tidak bĕrsĕtuju anak-nya bĕrkahwin dĕngan hulubalang.

AWANG. Tidak bĕrsĕtuju, apa sĕbab?

PĚMINTA SĚDĚKAH. Tĕntu-lah dia hĕndakkan orang yang sama sa-pangkat dĕngan dia.

AWANG. Di-mana tuan putĕri itu?

PĚMINTA SĚDĚKAH. Ada di-buatkan oleh raja sa-buah istana khas untok dia sa-orang. Orang-orang lain tidak-lah boleh pĕrgi ka-situ.

AWANG. Di-mana istana itu?

PĚMINTA SĚDĚKAH. Itu dia di-atas bukit yang nampak dari sini. Sa-batu jauh-nya dari sini ka-situ. Tĕrima kaseh hamba dato' minta diri.

PĚMINTA SĚDĚKAH *pĕrgi.*

AWANG. Aku ingin bĕnar hĕndak mĕlihat tuan putĕri, apa ikhtiar-ku?

---

LAKUNAN IV. Ēnam bulan kēmudian. Di-  
rumah tumpangan di-Lubok.

AWANG *bērsama-sama dēngan* TUAN RU-  
MAH TUMPANGAN *itu di-dalam sa-buah*  
*dewan.*

TUAN RUMAH. Dato' sēkarang bērhutang ka-  
pada saya \$555. Dato' bayar-lah, kalau tidak  
pindah-lah.

AWANG. Biar-lah saya dudok sa-bulan lagi.  
Ambil-lah chinchin saya ini jadi pēmbayar  
sewa-nya.

TUAN RUMAH. Baik-lah. Boleh-lah dato'  
dudok di-sini sa-bulan lagi. (*la pun masok*).

AWANG. Wang aku sa-duit pun tidak ada ting-  
gal lagi. Sampaikan chinchin aku pun sudah  
habis. Apa hēndak aku buat, hēndak mēng-  
hisap rokok pun tidak ada bērguris api (*ia*  
*diam sa-bēntar*). Oh baharu aku tēringat.  
Guris api dukun Fatimah dahulu. (*Di-buka-*  
*kan-nya bungkusan-nya lalu di-kēluarkan-nya*  
*guris api lama itu. Di-ambil-nya sa-batang*  
*anak guris api itu lalu di-panchis-nya hēndak*  
*mēmasang rokok-nya. Tiba-tiba ada sahaja*  
SĒRIGALA YANG PĒRTAMA *mata-nya sapērti*  
*chawan*).



SĚRIGALA YANG PĚRTAMA. Hamba sědia měnurut pěrentah tuan hamba.

AWANG. (*Suka*). Bawakan aku duit.

SĚRIGALA YANG PĚRTAMA. Baik-lah tuan hamba.

AWANG. 'Ajaib guris api ini. Tětapi aku bělum boleh pěrchaya lagi. Biar aku nanti.

(*Datang sa-mula SĚRIGALA tadi měmbawakan duit sa-karong*).

AWANG. Těrima kaseh banyak-banyak. Bolehlah ěngkau balek. Api rokok aku pun padam. Biar aku pasang sa-mula. (*la panchiskan sabatang anak guris api. Sěrta měrta datang SĚRIGALA YANG KĚDUA mata-nya sa-běsar pinggan*).

SĚRIGALA YANG KĚDUA. Apa kěhěndak tuan hamba? Hamba sědiakan.

AWANG. Bawakan aku wang.

SĚRIGALA YANG KĚDUA. Baik-lah tuan. (*Lalu masok*).

AWANG. Aku panchis datang sěrigala itu kepada aku. Sěkarang aku tahu-lah. Agak-nya apabila aku panchis lagi sa-kali datang-lah sěrigala yang kětiga itu.

*Kěluar SĚRIGALA YANG KĚDUA mĕnggonggong sa-buntıl wang di-dalam mulut-nya.*

SĚRIGALA YANG KĚDUA. Ini dia wang-nya.

AWANG. Baik-lah. Tĕrima kaseh. Balek-lah ĕngkau. (SĚRIGALA YANG KĚDUA *itu masok*).

*Di-panchis-nya sa-kali lagi akan guris api itu. Datang-lah SĚRIGALA YANG KĚTIGA bĕsar mala-nya sapĕrti tĕmpayan.*

SĚRIGALA YANG KĚTIGA. Apa kĕhĕndak tuan hamba, hamba sĕdiakan.

AWANG. Baʼwakan aku wang.

SĚRIGALA YANG KĚTIGA. Baik-lah tuan hamba. (SĚRIGALA YANG KĚTIGA *itu pun kĕluar; sa-bĕntar ia balek mĕnggonggong sa-buah buntıl pĕnoh wang ĕmas*).

AWANG. Baik. ĕngkau bĕri kapada aku buntıl itu kĕmudian balek-lah (*Masok SĚRIGALA YANG KĚTIGA*). Aku hĕndak buat rumah kĕmudian aku hĕndak chari orang gaji yang baik.

LAKUNAN V. Dua bulan kěmudian. Di-rumah  
AWANG di-Lubok.

AWANG. Sěkarang aku sudah ada rumah bėsar lagi chantek sěrba sěrbi chukup; hanya istėri sahaja yang bėlum aku ada. Aku hėndak cho-ba istėrikan tuan putėri itu. Aku hėndak minta tulong kapada sėrigala yang mata-nya sapėrti chawan itu.

*(Ia panchiskan sa-balang anak guris api. Datang-lah SĚRIGALA YANG PĚRTAMA itu).*

SĚRIGALA YANG PĚRTAMA. Apa kėhėndak tuan hamba? Sėdia hamba kėrjakan.

AWANG. Aku hėndak mėlihat tuan putėri Lubok itu sa-kėtika. Pėrgi ģngkau sėgėra bawa dia ka-mari. *(SĚRIGALA itu pun pėrgi kėmudian sėgėra ia balek mėndukong TUAN PUTĚRI itu di atas bėlakang-nya)* Biar aku pakaikan chinchin aku ini pada jari tuan putėri ini. *(Di-sarong-kan-nya chinchin-nya yang ada tėrukir nama-nya kapada jari TUAN PUTĚRI itu. Sa-tėlah itu SĚRIGALA itu pun pėrgi-lah mėmbawa balek TUAN PUTĚRI itu ka-istana-nya).*

---

LAKUNAN VI. Pagi esok-nya. Di-istana TUAN  
PUTĚRI LUBOK.

SALIMAH *bėrchakap-chakap dėngan* TUAN  
PUTĚRI LUBOK.

TUAN PUTĚRI. Apa ini Salimah? Siapa mė-  
nyarongkan chinchin ini pada jari aku?

SALIMAH. (*Mėmėreksa akan chinchin itu lalu  
nampak akan tulisan pada chinchin itu*). Ini  
chinchin Che' Awang. Ĕnche' itu orang yang  
diam di-rumah bėsar baharu itu.

TUAN PUTĚRI. Saya mimpi pėrgi ka-sabuah  
rumah bėsar baharu kėmudian jari saya di-  
sarongkan orang chinchin.

SALIMAH. Khabar-nya Ĕnche' itu dahulu hulu-  
balang. Macham mana dia jadi kaya? Ayah-  
anda tuanku itu memang tidak mėmbėnarkan  
tuanku bėrjodoh dėngan sa-orang hulubalang.

LAKUNAN VII. Esok-nya. Di-istana SULTAN  
Lubok.

SULTAN LUBOK *di-adap oleh* WAZIR-WAZIR,  
MĚNTĚRI *dan sėgala* HULUBALANG. *Bagin-  
da sėdang mėnjalankan pėmėrentahan-  
nya.*

*Kėluar* SALIMAH.

SALIMAH. Ampun tuanku bėribu-ribu ampun,  
sėmbah patek harap di-ampun. Ada sa-orang

hulubalang bernama Awang. Dia telah menyarongkan chinchin-nya kepada jari Tuan Puteri itu.

SULTAN. (*Těrlalu marah*). Apa? Bunoh akan dia. Tangkap dia dan pęnggalkan kępalanya. (*Hulubalang-hulubalang pun bęrjalan hęndak męngęrjakan pęrentah raja.*)

---

LAKUNAN VIII. Pagi itu juga. Di-hadapan istana SULTAN Lubok.

SULTAN LUBOK *di-iringi oleh WAZIR-WAZIR MĘNTĚRI dan HULUBALANG dan sa-kumpulan ramai orang. Masok PĚRTANDA dan bębęrapa orang HULUBALANG męmandu AWANG lęrantai.*

SULTAN. Sa-kali ini mati-lah ęngkau, tętapi sa-bęlum ęngkau mati aku kabulkan apa-apa pęrmintaan ęngkau, tętapi satu sahaja.

AWANG. Patek pohonkan hęndak męnghisap rokok.

*Ia męmanchiskan tiga batang anak guris api itu lalu kęluar-lah Kętiga-tiga Ekor Sęrigala itu.*

AWANG. Hai sahabat-ku, sělamatkan-lah aku daripada bahaya mati ini. (SĚRIGALA-SĚRIGALA *itu pun měnyěrang* SULTAN LUBOK *dan HULUBALANG-HULUBALANG itu. Masing-masing-nya měnjěrit minta tolong*).

ORANG RAMAI. Che' Awang, kami sakalian hěndakkan tuan-lah jadi raja kami (*těpok sorak*).

SULTAN. Panggil-lah balek sěrigala ini. Bolehlah ěngkau kahwin děngan tuan putěri itu. Bila aku mati esok ěngkau-lah ganti aku jadi raja.

AWANG. Sudah-lah itu sahabat-sahabat-ku sang sěrigala.

SĚRIGALA-SĚRIGALA *itu pun běrhěnti-lah.*

ORANG RAMAI *itu pun běrtěpok tangan dan běrsorak.*

TAMMAT

## JANGAN BERKAWAN DENGAN BUDAK JAHAT

AHLI-AHLI PELAKUN:—

KHATIJAH—*budak perempuan*

ABDUL KARIM—*adek-nya*

IBRAHIM—*budak baik kelakuan*

MAT—*budak jahat*

MASA-NYA: Zaman sekarang.

TĒMPAT-NYA: Kampong Kolam.

KHATIJAH *dĕngan adek-nya* ABDUL KARIM *di-hadupan rumah-nya*. KHATIJAH *tĕngah dudok di-atas bangku mĕngait-ngait renda*. Adek-nya *bĕrjalan tĕrgopoh-gopoh hĕndak pĕrgi bĕrmain*.

KHATIJAH. Hĕndak ka-mana ĕngkau Karim?

KARIM. Saya hĕndak ka-padang main bola. Hari pun sudah pukul ĕmpat.

KHATIJAH. Hĕndak bĕrmain dĕngan Si-Mat-lah agak-nya?

KARIM. Apa salah-nya main děngan dia? Dia memang kawan baik saya.

KHATIJAH. (*Mělětakkan jahitan-nya*). Bukan-kah ayah sudah mělarang jangan běrkawan děngan dia?

KARIM. (*Měmbuatkan muka-nya sapěrti muka orang garang dan měnyělokkan tangan-nya ka-dalam saku-nya*). Ada ayah larang, tětapi apa salah-nya saya běrmain děngan dia?

KHATIJAH. Tidak-kah ěngkau tahu Si-Mat itu budak jahat? Dia gěmar měmbuat bohong dan měnggunakan chakap yang kotor-kotor. Měnchuri barang-barang orang pun suka juga di-buat-nya. Pendek-nya sěrba sěrbi dia jahat.

KARIM. Dia baik děngan saya, sělalu di-běri-nya saya hadiah. Saya sayang dia.

KHATIJAH. Těntu-lah ěngkau sayang dia sěbab dia sělalu měmběri ěngkau hadiah. Tětapi barang-barang itu di-ambil-nya daripada orang lain kěmudian di-běri-nya kapada ěngkau. Tahu-kah ěngkau apa yang sudah di-buat oleh kawan baik ěngkau Si-Mat itu kapada Ibrahim minggu dahulu?



KARIM. Itu tidak-lah saya tahu. Tětapi yang saya tahu Ibrahim děngan Mat memang-lah běrsahabat baik.

KHATIJAH. Dahulu dia memang běrkawan baik děngan Ibrahim, tětapi sěkarang tidak bagitu lagi.

KARIM. Apa-kah sěbab-nya orang-orang itu tělaha běrmusoh?

KHATIJAH. Panjang chěrita-nya. Ini pun Ibrahim datang měmbawa layang-layang-nya. Dia sěndiri pun boleh mēnchěritakan hal-nya kapada ěngkau.

IBRAHIM. Apa khabar kakak Khatijah, Abdul Karim?

KHATIJAH. Khabar baik, ěngkau apa khabar?

IBRAHIM. Khabar baik juga. Ada apa-apa kakak Khatijah hěndak suroh saya? Boleh saya běrlari sa-kějap.

KHATIJAH. Tidak ada. Tětapi baharu lagi kami běrchakap-chakapkan hal ěngkau. Karim hěndak běrtanya kapada ěngkau?

IBRAHIM. Hěndak běrtanya kapada saya? (*Měngadap* KARIM). Fasal apa Karim?

KARIM. (*Měmėgang tangan IBRAHIM dan mēm-belek-belek layang-layang-nya děngan gėmar laku-nya*). Chantek bėnar layang-layang Che' Ibrahim ini. Mėngapa sa-orang sahaja hari ini, Mat mana?

IBRAHIM. Jangan-lah sėbut nama dia lagi, mēluat saya mēndėngar-nya.

KARIM. Mėngapa pula dēmikian?

IBRAHIM. Jahat bėnar dia. Fasal dia saya kėna pukul minggu dahulu.

KARIM. Ya! Bagaimana hal-nya?

IBRAHIM. Hari Sabtu yang lalu, Mat mēngajak saya pėrgi ka-sabuah kėbun hampir dėngan rumah Pa' Long Yusof saya. Sa-tėlah tiba ka-situ di-suroh-nya saya mēmanjat pagar masok ka-dalam kėbun itu dahulu. Kėmudian dia pula masok lalu mēmanjat pokok manggis. Oleh Mat di-pėtek-nya buah yang masak di-suroh-nya saya sambut dan kumpulkan di-dalam saku baju saya. Tėngah mēmungut-mungut datang tuan kėbun itu.

KARIM. Kėmudian apa jadi?

IBRAHIM. Apa jadi, di-kėjar-nya-lah kami. Sėbab saya tidak kuat lari dapat-lah di-tangkap-nya saya. Mat lėpas lari.

KARIM. Běsar malu-nya. Tiada di-pukul-nyakah awak?

IBRAHIM. Tidak. Tětapi di-bawa-nya saya kapada ěmak saya lalu di-chěritakan-nya-lah hal saya kapada ěmak saya.

KARIM. Itu-lah fasal-nya awak kěna pukul oleh ěmak awak.

IBRAHIM. Ya. Di-marah-nya juga saya běrkawan děngan Mat.

KHATIJAH. Sěkarang ěngkau sudah tahu pěrangai Mat, mahu-kah ěngkau běrkawan děngan-nya lagi Karim?

KARIM. Těntu-lah saya tidak mahu. Agak saya gasing dan guli yang di-běri-nya sa-malam itu pun di-churi-nya juga. Saya hěndak pulangkan běnda-běnda itu kapada-nya.

KHATIJAH. Macham itu baik. Itu pun dia Mat měmbawa bola-nya. Lěkas panggil dia, běrikan dia balek gasing dan guli-guli-nya itu. (*Ia měměgang sa-mula akan běnang kait-nya dan IBRAHIM pura-pura měměrhati renda itu*).

KARIM. (*Mělaong sa-kuat-kaut-nya*). Mat, singgah sa-běntar Mat.

MAT. (*Běrlari*). Karim mari kita pěrgi main bola. Elok-kah tidak gasing dan guli yang saya bėri sa-malam itu?

KARIM. Saya tidak gėmar gasing dan guli-guli itu. (*Ia kėluarkan gasing dan guli-guli itu dari dalam saku-nya*). Ini dia ambil-lah balek.

MAT. Tidak. Bukan-nya saya mahu gasing dėngan guli itu balek. Saya sudah bėrikan dia kapada awak. Awak-lah punya sėkarang. Mari kita pěrgi main bola. Mari-lah.

KARIM. Kakak saya tidak bėri saya mēnėrima hadiah daripada ěngkau. Ia takut ěntahkan ěngkau churi barang-barang itu. Jika bapa saya tahu tėntu-lah di-pukul-nya saya. Ibrahim tėlah di-pukul oleh ěmak-nya sėbab bėrkawan dėngan ěngkau pěrgi mēnchuri buah manggis minggu dahulu. Saya tidak mahu bėrkawan dėngan ěngkau lagi. Kalau ěngkau sanggup mēngubah tabi'at ěngkau baharu-lah saya mahu bėrkawan dėngan ěngkau balek. Saya tidak mahu pěrgi main dėngan ěngkau hari ini. Saya hėndak pěrgi main layang-layang dėngan Ibrahim. (*Ia mėmasokkan gasing dan guli-guli itu ka-dalam saku baju MAT*). Ambil-lah balek. Pěrgi-lah ěngkau pulang.

MAT mēnundokkan kėpala sėbab malu.

KHATIJAH. (*Běrpaling kapada KARIM*). Ma-  
cham itu baik. Kalau hěndak běrkawan dē-  
ngan Ibrahim ta' apa-lah. Dia baik pěrangai  
dan bapa kita pun těntu suka bila dia děngar  
ěngkau kědua běrkawan-kawan.

KARIM. (*Měmėgang tangan IBRAHIM*). Těrima  
kaseh banyak kěrana nasihat awak. Kami  
hěndak pěrgi běrmmain, ya kakak Khatijah?

KHATIJAH. Baik-lah. Sělamat jalan.

*KARIM sěrta IBRAHIM pun běrlari-lari hěn-  
dak pěrgi běrmmain.*

MAT. Běnchi-kah kakak Khatijah akan saya?

KHATIJAH. Bukan aku běnchikan ěngkau Mat.  
Yang aku běnchikan pěrangai ěngkau.

MAT. Saya hěndak buangkan pěrangai yang  
tidak baik itu.

KHATIJAH. Molek běnar-lah itu Mat.

MAT. Mahu kakak Khatijah baik děngan saya  
kalau saya buat dēmikian.

KHATIJAH. Memang mahu.

MAT. Saya běrjanji-lah hěndak měngubahkan  
kělakuan saya.

*Dari situ kědėngaran suara KARIM dan IBRAHIM bėrtėriak-tėriak sambil bėrmain pada padang itu. KHATIJAH mėlaong mėmanggil kėdua-dua-nya balek. Kėdua-nya pun datang.*

KHATIJAH. Mat sudah bėrjanji hėndak mėngubah kėlakuan-nya. Jadi ěngkau sėmua bolehlah bėrkawan dėngan dia.

MAT. Memang saya bėrjanji hėndak mėngubah kėlakuan saya. Saya hėndak pulangkan gasing dan guli-guli ini kapada Hashim. Saya churi daripada-nya. Yang akan datang ini saya tiada mahu mėnchuri lagi.

*Dia pun bėrlari pėrgi.*

KARIM. Pandai bėtul kakak Khatijah. Saya pėrchaya chakap Mat mahu mėngubah kėlakuan-nya.

IBRAHIM. Bagus. Bolehlah kita bėrtiga bėrsama-sama bėrmain. Mari Karim kita turut dia.

TAMMAT

## MĒNGUBAT SI-OMAR SAKIT

AHLI-AHLI PĔLAKUN:—

PA' SAMAD—*ayah Si-Omar*

MAK BUYONG—*ėmak Si-Omar*

OMAR

DOLLAH—*adek Si-Omar*

PA' ALANG

PAWANG CHOMPES

PĔNGHULU AWANG

MASA-NYA: Zaman sėkarang.

TĔMPAT-NYA: Di-Parit Anu.

LAKUNAN I. Di-Rumah PA' SAMAD.

MAK BUYONG *mėmėlihara anak-nya bėr-nama OMAR sakit dėmam panas.*

MAK BUYONG. Omar, Omar ėmak tidak tahu-lah hėndak buatkan lagi. Sudah dua tiga orang dukun ėmak panggilkan tėtapi ėngkau tidak juga mahu bėtah. Apa-lah kėna-nya ėngkau ini anak. Allah anak, ayah ėngkau pun tiada di-rumah, ėngkau pula sakit kuat. Apa-lah ėmak hėndak buatkan. Dollah, oh Dollah, mari ka-sini, mari-lah ka-sini.

DOLLAH. Ya mak ini saya datang. Apa ěmak mahu?

MAK BUYONG. Tulong-lah ěngkau panggilkan Pawang Chompes ka-mari. Katakan Omar sakit tēnat.

DOLLAH. Baik-lah mak. Kětika ini juga saya pěrgi panggilkan dia. Minta-mintakan biar dia ada di-rumah.

*Kěluar PA' ALANG.*

PA' ALANG. Apa khabar Omar hari ini Mak Buyong?

MAK BUYONG. Ini pun Pa' Alang datang. Omar těrok sakit-nya. Boleh-kah Pa' Alang tulong panggilkan Pa' Samad balek kětika ini juga? Sěgěra ya? Suroh-lah dia balek waktu ini juga.

PA' ALANG. Baik-lah boleh saya pěrgi panggilkan dia. Tětapi di-mana dia? Dia maseh mēněbang kayu di-Kampong Lama lagi-kah?

MAK BUYONG. Ya, dia maseh di-situ lagi. Pěrgi-lah Pa' Alang panggilkan dia. ěngkau Dollah pěrgi-lah lěkas panggil Pawang itu.



LAKUNAN II. Sa-těngah jam kěmudian dari-pada itu. Di-rumah PAWANG CHOMPES.

DOLLAH. To' Pawang Chompes! Oh To' Pawang Chompes! To' Pawang! Oh To' Pawang.

PAWANG CHOMPES. (*Kěluar*). Siapa itu? Oh Dollah. Apa hajat Dollah?

DOLLAH. Saya datang ini fasal Omar abang saya.

PAWANG CHOMPES. Měngapa dia?

DOLLAH. Dia kěna děman panas.

PAWANG. Běrapa lama sudah dia děmam.

DOLLAH. Ada-lah kira-kira dua minggu. Sěkarang ini dia těngah těnat běnar. To' Pawang mari-lah sěgěra pěrgi, dia těnat běnar mari-lah pěrgi kětika ini juga.

PAWANG CHOMPES. Jangan-lah susah hati. Jangan-lah risau-risau běnar. Aku tidak boleh měmbuat kěrja aku kalau běrgolot-golot. Běrapa umor abang ěngkau itu?

DOLLAH. Kira-kira dua bėlas tahun.

PAWANG CHOMPES. Nanti dahulu. Jangan-lah běrgolot-golot běnar. Nama budak itu

Omar. Umor-nya dua bėlas tahun. Nama bapa-nya Pa' Samad. Nama ěmak-nya Mak Buyong. (*Ia měmbilang-bilang jari-nya sambil ia bėrkata-kata itu*). Tidak měngapa. Baik budak itu. Sėkarang mari-lah kita pėrgi.

---

LAKUNAN III. Sa-jam kěmudian. Di-rumah  
PA' SAMAD.

MAK BUYONG. Tulong-lah ubatkan anak saya To' Pawang, tulong-lah. Anak laki-laki saya dua orang sahaja.

PAWANG<sup>2</sup> CHOMPES. Turut-lah apa yang saya kata. Těntu-lah dia baik kėlak. Saya hěndak tengokkan apa yang měnyampok dia maka dia děmam ini. Bėri saya ayer sėjok isikan dalam mangkok puteh. Āmbilkan saya limau tiga biji.

(MAK BUYONG *bėrlari-lari anak, pėrgi měngambil barang-barang itu. Sa-kėlaka ia balek měmbawa ayer sa-mangkok dan limau*).

Sěmua orang-orang hěndak-lah diam, kalau bising-bising ta' mahu měnjadi-lah jampi-jampi saya.

*(Di-alin-nya limau-limau itu kapada badan Omar kěmudian di-bělah-nya limau-limau itu lalu di-masokkan-nya ka-dalam mangkok itu).*

Budak ini di-sampok oleh jěmbalang tanah. Omar tělah mēněndang anak jěmbalang itu. Bapa jěmbalang itu marah nampak-nya. Itulah dia mēnchěkekkan Omar. Městi kita buat buang-buang mēnjamu jěmbalang itu měmujok hati-nya. Jadi tiada-lah dia mahu mēngusek lagi. Sěmbělehhkan-lah ayam puteh, masakkan nasi kunyit dan buatkan tělör merah. Barang-barang ini hěndak-lah lětakkan di-těngah-těngah simpang ěmpat pada waktu těngah malam. Běri saya ayer sějok sa-gėlas biar saya tawarkan.

*Kěluar PA' SAMAD děngan PA' ALANG.*

PA' SAMAD. Ini pun sudah ada To' Pawang mēnawar. Elok běnar. Hajat saya pun memang hěndak mēmanggil Dato' juga.

MAK BUYONG. Ya, saya yang mēnyuroh mēmanggil dia tadi. Kata-nya ia sanggup mēngubat Omar.

*(PAWANG CHOMPES měmbuat-buat isharat dan mēnjampi-jampi ayer itu).*

PAWANG CHOMPES. Běri budak ini minum sadikit ayer ini kěmudian sapu-sapukan sadikit-sadikit pada dahi dan dada-nya. Tengok-lah malam ini těntu-lah kurang děmam-nya. Nanti besok saya buatkan dia ubat lain. Děngan ubat itu těntu-lah dia baik.

PA' SAMAD. Těrima kaseh banyak-banyak To' Pawang. Pukul běrapa esok To' Pawang tiba?

PAWANG CHOMPES. Kira-kira lěpas zuhor tibalah saya.

PA' SAMAD. Baik-lah, saya sědia měnanti di-rumah. Ini To' Pawang untok měmběli tēm-bakau.

---

LAKUNAN IV. Pagi esok-nya. Di-rumah PA' SAMAD.

*Kěluar PĒNGHULU AWANG.*

PĒNGHULU AWANG. Pa' Samad, khabar-nya anak Pa' Samad, Si-Omar, sakit těrok.

PA' SAMAD. Ya To' Pěnghulu, dia kěna děmam panas sudah dua minggu lama-nya. Sudah saya panggikan lima ěnam orang dukun-dukun, sa-malam pěrěmpuan saya, tělah měn-

jěmput To' Pawang Chompes. Tětapi budak itu tidak juga mahu bětah. Saya sangkakan Pawang Chompes dapat mēngubat-nya tětapi hari ini nampak-nya ia makin kuat sakit-nya.

PĒNGHULU AWANG. Jangan-lah awak běřfaham kunu juga lagi Pa' Samad, mēmanggil dukun hěndak mēngubat dēmam panas. Awak mēsti hantarkan Omar ka-rumah sakit. Jika tidak awak hantar ka-rumah sakit těntu-lah anak awak itu mati dan orang lain pun běřjangkit oleh pěnyakit ini.

PA' SAMAD. Pěrěmpuan saya To' Pěnghulu....

PĒNGHULU AWANG. Jangan-lah awak sěbut fasal pěrěmpuan awak. Awak yang měnjadi pěnghulu di-rumah awak bukan? Hantarkan anak awak itu ka-rumah sakit.

*PĒNGHULU itu pun masok.*

PA' SAMAD. Ēmak Omar, nampak-nya mēsti kita hantarkan Omar ka-rumah sakit. Kita mēsti turut kata dia. Dia Pěnghulu, těntu-lah kita jadi susah jika kita tidak ikut chakap-nya.

MAK BUYONG. Hěndak hantarkan ka-rumah sakit pun hantarkan-lah asalkan dia baik.

PA' SAMAD. Baik-lah, nanti sa-běntar saya panggil becha.

---

LAKUNAN V. Sa-bulan kěmudian daripada itu.  
Di-rumah PA' SAMAD.

OMAR. Ĕmak, Ĕmak, saya sudah balek Ĕmak.  
Saya sudah baik tiada děmam lagi.

MAK BUYONG. Al-hamdu lillah, sudah baik  
anak aku.

PA' SAMAD. Ĕngkau tidak susah hati bapa han-  
tarkan Ĕngkau ka-rumah sakit?

OMAR. Saya tidak susah hati ayah, sa-balek-  
nya suka saya pěrgi ka-rumah sakit itu. Ada-  
kah ayah děngar khabar Hashim sěrta Ali yang  
jatoh sakit sama-sama saya itu?

MAK BUYONG. Měngapa budak-budak itu?

OMAR. Kědua-dua-nya měninggal dunia.

PA' SAMAD. Budak-budak itu tidak těrok sa-  
pěrti Ĕngkau.

OMAR. Ya, tětapi dia tiada masok rumah sakit,  
pawang-pawang dan dukun-dukun sahaja  
měngubat-nya.

MAK BUYONG. Měněrima shukor-lah aku sěbab  
Ĕngkau tělah masok ka-rumah sakit.

OMAR. Saya pun bagitu juga. Hati saya riang  
di-dalam rumah sakit itu. Makanan di-situ

pun daripada barang yang baik-baik. Yang mēngubat saya tabib yang pandai dan yang mēnjaga saya pun pēlayan-pēlayan yang baik.

PA' SAMAD. Molek-lah kalau kita bēri tabib dan pēlayan itu hadiah.

OMAR. Ada saya bērtanya kapada mēreka itu saya hēndak mēmbēri hadiah kapada-nya tētapi jawab-nya yang sa-baik-baik hadiah ia-lah surohkan orang-orang kampong yang mana sakit itu datang bērubat ka-rumah sakit.

MAK BUYONG. Pēlek pula pērmintaan-nya. Ia mahu pula mēmbuat kērja banyak.

OMAR. Memang banyak-lah kērja-nya supaya banyak pula boleh di-sēlamatkan-nya nyawa orang.

MAK BUYONG. Aku sanggup mēmbēri tahu orang kampong itu bērubat di-rumah sakit baik sunggoh. Bapa Omar pun tētentu mahu juga mēmbuat dēmikian.

PA' SAMAD. Memang sanggup saya bērbuat dēmikian.

## IKAN PELAGA

AHLI-AHLI PELAKUN:—

YUSOF—*Bapa Salim*

SALMAH—*Ēmak Salim*

SALIM }  
TAIB } *Bĕrsaudara*

MD. ZAIN }  
HASSAN } *Saudara pupu Salim*

MASA-NYA: Pagi-pagi hari.

TEMPAT-NYA: Di-rumah Salim.

### LAKUNAN I.

SALMAH. Hari sudah pukul dĕlapan. Nam-pak-nya Salim lambat ka-sĕkolah hari ini.

YUSOF. Allahu akbar, mĕngapa dia lambat. Taib sudah pun pĕrgi sĕkolah.

SALMAH. Kĕdua-dua-nya suboh-suboh lagi sudah bangun. Taib mĕmbĕri makan ayam, mĕnyapu laman, mĕngambil daun nangka untok kambing. Sunggoh banyak kĕrja-nya waktu pagi tĕtapi dia tiada pĕrnah lambat ka-sĕkolah. Baik bapa Salim nasihatkan dia.



SALIM *těrkějjar-kějjar datang mēngěpit buku-buku-nya kēmudian těrgěsa-gěsa minum ayer teh sa-chawan.*

YUSOF. Měngapa ěngkau lambat minum ayer pagi ini?

SALIM. Saya sibok mēlanchar ayah. Banyak bėnar kěrja di-rumah di-bėri oleh guru saya.

YUSOF. Taib pun kėna mēlanchar banyak juga, kěrja rumah pun banyak juga dia kėna buat tėtapi pagi-pagi lagi dia tėlah pėrgi ka-sėkolah. ěngkau mēngapa tidak boleh buat sapėrti dia?

SALMAH. ěngkau kėna chėpat-chėpat bėrjalan ka-sėkolah, kalau tidak tėntu-lah ěngkau lambat.

YUSOF. Minggu yang lalu dua kali ěngkau lambat. Guru ěngkau tėlah mēngadu kapada aku.

SALIM *masok. Kēmudian YUSOF mēm-buka almari, mēnarek lachi-lachi meja.*

YUSOF. (*Bėrchakap sa-orang diri*). Tėntu budak ini main ikan pělaga juga lagi. Aku sudah dėnda akan dia tėtapi tidak juga ia sėrek-sėrek. (*Ia bėrjumpa dua buah botol. Di-dalam tiap-tiap buah botol ada sa-ekor ikan*

*pělaga*). Ęmak Salim! Ęmak Salim mari tengok apa yang saya jumpa ini. Padan-lah dia tiada mėlanchar pėlajaran-nya. Saya sudah marah dia kėlmarin fasal mēmėlihara ikan tėtapi dia buat juga. Orang bėrpėrangai bėngis yang mahu mėlagikan ikan. Saya sudah pėsan kapada dia jangan pėlihara ikan lagi.

SALMAH. Tėtapi kata Salim dia ta' ada lagakan ikan itu. Dia gėmar mėlihatan warna-warna ikan itu chantek.

YUSOF. Bėtul, tėtapi lama-lama esok di-choba mėlagikan-nya. Ada-kah ěmak Salim tahu ramai budak-budak pėrgi ka-rumah Wak Long hari Aħad pėtang mėlihat orang mėlagikan ikan pėlaga ini. Saya pėrchaya orang-orang itu ada bėrtaroh.

SALMAH. Ikan itu bėtul-bėtul-kah bėrlaga?

YUSOF. Memang-lah. Kadang-kadang hingga mati ikan yang kalah itu. Saya sėndiri pun ada mėlihat ikan-ikan itu sampai kudong-kudong ekor dan sirip-nya. Memang bėngis pėrmainan yang sapėrti itu.

SALMAH. Apa bapa Salim hėndak buat ikan itu?

YUSOF. Saya hëndak buangkan ka-dalam parit di-bělakang rumah itu.

*YUSOF masok dĕngan botol itu.*

---

LAKUNAN II. Tĕngah hari itu di-rumah SALIM.

*YUSOF dĕngan SALMAH tĕngah makan. Kĕ-luar TAIB balek dari sĕkolah sa-orang diri.*

YUSOF. Taib, mana Salim?

TAIB. Dia kĕna tahan dalam darjah dĕnda pukul satu tĕngah hari ini sĕbab dia lambat tiba ka-sĕkolah pagi tadi.

SALMAH. Ada-kah dia khabarkan kapada gurunya apa sĕbab dia lambat ka-sĕkolah pagi ini?

TAIB. Ada di-katakan-nya dia banyak kĕrja di-rumah pagi ini.

*Tĕlah lama kĕmudian baharu SALIM tiba.*

YUSOF. (*Suara Marah*). Salim! Mari sini. Aku sudah tĕgahkan ĕngkau jangan bĕrmain ikan pělaga minggu dahulu tĕtapi ĕngkau main juga.

SALIM. (*Kĕpala-nya tundok*). Apa-lah salah-nya saya mĕmĕlihara ikan pělaga itu yah?

bukan-nya saya lagakan dia. Saya mēmēli-hara pun di-dalam asing-asing botol. Saya gēmar mēlihatkan ia-itu chantek tērutama kētika ia bērenang.

YUSOF. Bētul kata ěngkau. Tětapi lama-lama esok tēntu ěngkau tērtarek mēlagakan dia. Ada-kah pērnah ěngkau pērgi ka-rumah Wak Long?

SALIM. Ada yah.

YUSOF. ěngkau tahu-kah apa orang-orang buat di-situ? Fasal itu-lah aku tidak bēri ěngkau mēmēlihara ikan pēlaga. ěngkau pun sudah ada mērbok sērta sērindit. Monyet pun sudah aku bēlikan ěngkau. Itu jadi-lah, jangan bawa balek lagi ikan pēlaga ya. Ingat kata aku itu?

---

LAKUNAN III. Kēmudian. Di-dalam sa-buah dusun.

SALMAH, YUSOF, SALIM sērta TAIB sēdang bērjalan di-dalam sa-buah dusun bērsama-sama dēngan saudara-nya ZAIN dan HASSAN. Di-dalam dusun itu ada sa-buah kolam kēchil.

YUSOF. ěngkau Salim dan Taib chuti ini boleh-lah sēlalu-sēlalu datang ka-dusun Pa' Ngah

ěngkau ini. Boleh-lah ěngkau bėrkawan-kawan dėngan Zain dan Hassan anak Pa' Ngah ěngkau.

SALIM. Ayah, molek bėnar-lah itu. Tėntu-lah sėronok bėrjalan-jalan di-dalam dusun ini.

YUSOF. Jangan-lah ěngkau bawa ikan pėlaga ěngkau ka-sini pula Salim. (*Sambil tėrtawa*)

SALIM. Tidak ayah. Apa pula hėndak di-buatkan ikan pėlaga di-sini?

*YUSOF dėngan SALMAH pulang, tinggal-lah budak-budak itu di-dalam dusun itu.*

ZAIN. Awak sėmua tėntu-lah dahaga. Kalau hėndak minum ayer kėlapa muda boleh saya panjatkan.

TAIB. Mahu juga.

ZAIN. Biar saya panjatkan pokok itu.

HASSAN. Bukan-kah baik kalau kita suroh bėrok kita itu mėmanjat? Salim dengan Taib pun tėntu gėmar mėlihat-nya (*Kapada SALIM dan TAIB*). Ada-kah pėrnah Che' Salim dan Che' Taib mėlihat bėrok mėmanjat kėlapa?

TAIB. Bėlum pėrnah. Saya gėmar hėndak mėlihat-nya.

HASSAN *měmanggil běrok-nya. Kěluar sa-ekor běrok lalu měmanjat pokok kělapa.*

SALIM. *Sěnanng sahaja nampak-nya běrok itu měmanjat. Sa-kětika ia tělaha tiba ka-atas pokok. Lihat ia mēmiohkan buah kělapa itu děngan tangan-nya. Lalu buah gugor. (Kělika itu gugor-lah kělapa sa-buah).*

ZAIN *měněbok buah kělapa itu kěmudian di-běrikan-nya kapada TAIB. TAIB měnyambut buah kělapa itu lalu minum ayer-nya sadikit. Kěmudian di-běrikan-nya buah itu kapada SALIM pula.*

SALIM. *Hari panas sapěrti hari ini memang sědap-lali minum ayer kělapa.*

TAIB. *Sudah lama kita di-sini mari-lah kita pulang. Ĕmak děngan ayah kita těntu-lah těr-nanti-nanti kita di-rumah.*

SALIM. *Di-situ ada kolam. Mari kita lalu děkat kolam itu.*

HASSAN. *Kolam itu dalam musim kěmarau ini memang kěring. Minggu dahulu banyak saya dapat ikan bětok di-situ.*

SALIM. *Ikan bětok?*

HASSAN. Tidak-kah ěngkau kěnal ikan bětok? Ikan puyu pun di-sěbut orang juga. Ikan bětok itu pandai měmanjat.

SALIM. Pandai měmanjat?

HASSAN. Ya dia boleh měmanjat těbing-těbing kolam.

SALIM. Kalau bagitu boleh-lah ia hidup di atas darat.

HASSAN. Memang boleh. Bila ayěr kolam itu kěring di-běnamkan-nya badan-nya di-dalam lumpor itu.

*Budak-budak itu pun tiba-lah kapada kolam itu. SALIM běrhěnti sa-běntar sambil měnjěngah ka-dalam kolam itu. TAIB běr-sama děngan budak lain itu běrjalan juga. SALIM nampak sa-ekor ikan pělaga těrlalu běsar di-dalam lopak-lopak ayěr itu. Ia gěram mělihat-nya sa-hingga nyaris-nyaris lagi jatoh ka-dalam kolam itu.*

SALIM. Wah běsar-nya. Itu těntu-lah raja sěgala ikan pělaga. Kalau dapat aku pělihara di-dalam botol alang-kah molek-nya.

---

LAKUNAN IV. Esok-nya. Di-kolam dalam  
dusun itu.

*SALIM masok ka-dalam kolam, sělut-nya  
hingga ka-lulut. Ia mēngharong di-dalam  
sělut itu.*

SALIM. Sadikit sahaja ayer di-dalam kolam  
hari ini.

*Ia mēngharong ka-těngah, tiba-tiba ia těr-  
běnam ka-dalam lumpor itu. Sa-ekor ular  
ayer lalu hampir děngan dia.*

SALIM. Macham mana aku hěndak kěluar ini?  
Allahu akbar makin těr-běnam lagi. Tolong  
ayah! Tolong! Taib tolong, tolong Taib,  
Taib! (*Sa-orang pun tidak mēnděngar suara-  
nya*).

YUSOF. (*Balek dari pěkan*). Itu bunyi orang  
minta tolong. Itu lagi bunyi suara-nya  
macham suara Salim minta tolong. Kěna apa  
budak itu?

*YUSOF běrkějar pěrgi ka-kolam itu di-lihat-  
nya SALIM makin hěndak těnggělam di-  
dalam sělut itu.*

SALIM. Tolong ayah tolong. Saya tidak dapat  
hěndak kěluar.



YUSOF *mēmərhalikan di-kěliling-nya mēnchari bēnda yang bėrguna supaya boleh mēnolong SALIM. Di-lihat-nya ada sa-buah pongkis dēkal dēngan SALIM.*

YUSOF. Choba ěngkau bėrpaut kapada pongkis ini sēmēntara aku panggil orang minta tolong. Pongkis payah tērbēnam.

SALIM. (*Bėrpaut kapada pongkis*). Lėkas-lah ayah saya takut tinggal sa-orang.

YUSOF *datang sa-mula dēngan bėbėrapa orang mēmbawa galah. Lalu mēnolong SALIM kēluar dari dalam kolam itu.*

YUSOF. Apa ěngkau buat di-dalam kolam itu Salim?

SALIM. (*Mēnangis lėresak-esak*). Saya hēndak mēnangkap ikan pělaga.

YUSOF. Itu-lah ěngkau, bukan-kah sudah-ku tēgah jangan main ikan pělaga, jangan main ikan ěngkau buat juga. Fasal ikan yang sabagitu kēchil nyaris-nyaris lagi ěngkau mati.

SALIM. Saya minta ampun ayah. Saya tidak mahu lagi main ikan pělaga.